

Sultan rasmi
kilang dim sum

3

Cadang cipta lagu,
logo SUKMA 2026

4

Selaras panduan
niaga dari rumah

5

Agih RM2.105 juta
sumbangan pewakaf

8

selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 23 - 29 JANUARI 2025

www.selangorkini.my

Muzium pamer 1,000 artifak baharu

Dibuka semula mulai 8 Februari, muzium negeri boleh dikunjungi secara percuma selama tiga bulan untuk saksikan keunikan 1,000 pameran artifak guna teknologi tiga dimensi dan kecerdasan buatan

MUKA 2

Sidang niaga negeri jadi acara rasmi Asean

Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor dimasukkan sebagai acara rasmi dalam Sidang Kemuncak Asean 2025. Kerajaan persekutuan dan negeri bergandingan menganjurkannya

MUKA 2



Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Hajah Norashikin berkenan melawat reruai selepas pelancaran buku 'Telepuk: Forgotten Flowers of Gold' di Pustaka Raja Tun Uda, Shah Alam pada 15 Januari. Mengiringi Baginda Yang Dipertua Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor Datin Seri Masdiana Muhamad (kiri). Foto FIKRI YUSOF ► BERITA MUKA 2

paleawarna

Kisah gembira Palestin awal tahun baru



Selepas 15 bulan, penduduk lega, tidak bimbang serangan bom Israel

11-13



Tukar sisa elektronik jadi wang

Kerajaan Negeri sedia platform pengumpulan, mudahkan salur barang rosak

9-10



Beg tangan mirip jenama terkenal

Terima sambutan ramai hingga tembusi pasaran China, London dan Vietnam

14

Wanita profesional kian meningkat

SHAH ALAM - Pembabitan wanita negeri ini dalam bidang pekerjaan termasuk profesional dan ekonomi mencecah 56 peratus setakat 2023, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan setiap tahun angka berkenaan meningkat kira-kira dua peratus sekali gus membuktikan usaha memberdaya jantina dijaya dengan berkesan.

"(Dalam pentadbiran) ada wanita dilantik ketua jabatan seperti yang dipertua, datuk bandar serta pegawai daerah. Ini manifestasi dan sangat konsisten yang kita lakukan sejak 2008.

"Kita mulakan dengan program pengarus perdana gender supaya tidak ada persepsi dan stigma berkenaan wanita dalam membuat keputusan. Nampaknya diterima dengan baik," katanya dalam Majlis Himpunan Wanita Selangor pada 20 Januari.

Manfaat hasil untuk kebajikan

SHAH ALAM - Hasil pendapatan negeri hampir RM3 bilion yang diperoleh tahun lalu akan digunakan untuk pelbagai program termasuk skim Iltizam Anak Selangor.

Dato' Menteri Besar berkata inisiatif menggantikan Tabung Anak Warisan Selangor itu memerlukan dana besar sehingga RM300 juta bagi memastikan pelaksanaannya lancar dalam tempoh 10 tahun.

"Kita ada komitmen besar ke hadapan ini, contohnya untuk tabung anak Selangor (Iltizam Anak Selangor). Kumpulan pertama pada awal 2026 dan kita perlukan dana besar.

"Ini antara komitmen yang akan dilunaskan (dengan pendapatan hasil). Kita juga akan lihat keperluan tambahan mengikut keadaan semasa. Saya rasa mungkin akan dimuktamadkan menjelang pertengahan tahun ini," kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 20 Januari.

IMBAS DI SINI
akbar digital minggu lepas

Pelihara warisan seni hiasan Telepuk

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Hajah Norashikin berkenan merasmikan buku terjemahan seni hiasan telepuk pada 15 Januari.

Buku berjudul Telepuk: Forgotten Flowers Of Gold atau naskhah asal Telepuk: Bunga-bunga Emas Yang Dilupai dihasilkan Intan Jailani, Khairulanwar Rahman dan Norhaiza Noordin.

Menurut wakil penerbit Abdul Razak Aziz, kira-kira 10 karya berasaskan seni, budaya dan warisan Melayu termasuk judul terbaharu itu dihasilkan dalam tempoh hampir 10 tahun.

Beliau menjelaskan naskhah terbitan Yayasan Hasanah pada dua tahun lalu juga ditambah baik beberapa maklumat baharu selain penambahan artifak yang dikatalog.

Katanya, 10 bengkel telepuk melibatkan 200 peserta diadakan dalam empat tahun merangkumi latihan seni gerus, fesyen dan trend semasa sekaligus gus menghidupkan kembali seni telepuk.

"Kami juga terharu kerana usaha pemuliharaan seni ini diberi pengiktirafan melalui penganjuran Pameran Pesona Telepuk oleh Muzium Tekstil

Negara dan Jabatan Muzium Malaysia pada Oktober hingga Disember tahun lalu," katanya.

Hadir sama, Yang Dipertua Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor Datin Seri Masdiana Mohamad dan Pengarah Perbadanan Perpusatkaan Awam Selangor Datuk Paduka Mastura Muhammad.

Pada Ogos tahun lalu, EXCO Kebudayaan Datuk Borhan Aman Shah berkata Selangor mahu membuka muzium tekstil bagi memelihara warisan tekstil termasuk telepuk, kelingkan, songket dan batik Selangor.

Buka kepada pengunjung 8 Februari

Muzium pamer 1,000 artifak baharu

Oleh **FITRI HAZIM HAZAM**

SHAH ALAM - Muzium Sultan Alam Shah di Seksyen 14 di sini yang ditutup sejak tahun 2019 untuk proses pengubahsuaian dibuka semula secara rasmi kepada pengunjung mulai 8 Februari.

Menurut EXCO kebudayaan, banyak tarikan baharu diperkenal termasuk 1,000 pameran artifak, pameran alam kubur tiga dimensi, sejarah warisan warung dan perkahwinan kaum di Selangor.

Datuk Borhan Aman Shah memberitahu muzium tersebut diberi nafas baharu termasuk penggunaan aplikasi teknologi kecerdasan buatan, interaktif seni dan sistem respon pantas dalam pameran.

Beliau menjelaskan orang ramai termasuk luar Selangor boleh mengunjungi muzium tersebut secara percuma selama tiga bulan sebelum penggunaan tiket dikenakan pada harga berpatutan.

"Harga tiket akan dicadang dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Bayaran dikenakan bagi memastikan

kualiti pameran dan penyelenggaraan dapat dibuat dengan berkesan," katanya.

Borhan berkata muzium dinamai sempena gelaran Sultan Selangor ketujuh iaitu Sultan Hisamuddin Alam Shah itu akan dirasmi Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari tidak lama lagi.

Beliau juga memaklumkan peruntukan lebih RM5 juta digunakan bagi menjayakan kerja naik taraf yang dijalankan sejak 2019 tetapi tergenda seketika akibat penularan wabak Covid-19.

SIBS jadi acara rasmi Asean

SHAH ALAM - Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS) antara acara rasmi dalam Sidang Kemuncak Asean 2025, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau menjelaskan penganjuran SIBS pada Oktober diselaras antara negeri dan persekutuan bersempena giliran Malaysia sebagai pengurus ASEAN.

"Kerjasama utuh dan erat antara kerajaan persekutuan dan Kerajaan Negeri memberi manfaat kepada rakyat

Selangor," katanya di Facebook pada 17 Januari.

Menurut Amirudin, dua persidangan berdasarkan ekonomi iaitu SIBS dan Pameran Udara Selangor (SAS) mencatat potensi nilai transaksi membanggakan dan mengatasi sasaran tahun lalu.

Beliau memberitahu SAS yang menampilkan 88 syarikat penerbangan dan aeroangkasa terkemuka mencatat transaksi RM3.2 bilion, tertinggi dalam sejarah penganjurannya.

"Sebanyak 41 memorandum persefahaman terjalin iaitu hampir dua kali ganda berbanding SAS 2023. SAS juga mungkin dijenama semula dengan pelbagai komponen termasuk lokasi baharu," katanya.

Amirudin memaklumkan dua siri SIBS pada tahun lalu juga mencatat potensi nilai transaksi keseluruhan terbesar iaitu RM13.86 bilion hasil penyertaan negara jiran dan negara lain.

Teliti pembangunan loji insinerator

PETALING JAYA - Rancangan bagi membangunkan loji rawatan termal atau insinerator di Batu Arang, Rawang tidak bermula lagi, bahkan kebenaran merancang belum diperoleh.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menegaskan perancangan projek berkenaan perlu diteliti bagi memastikan situasi menang-menang kepada semua pihak.

"Memang ada bantahan tetapi kita tidak boleh bayangkan insinerator itu seperti 40 tahun lepas. Insinerator ini akan memastikan kita dapat uruskan sampah dengan berkualiti."

"Saya sedang bincang secara keseluruhan dan kita akan pastikan situasi menang-menang," katanya pada 15 Januari merujuk bantahan badan bukan kerajaan Jaringan Rawang Tolak Insinerator.

Beliau juga memberitahu pembangunan loji insinerator di Jeram dijadual siap pada tahun ini selain di Tanjung Dua Belas, Kuala Langat.

Pada tahun lalu, Kerajaan Selangor merancang membuat libat urus melalui KDEB Waste Management bersama penduduk setempat bagi menyampaikan maklumat tepat berkaitan perancangan tersebut.



Sultan Sharafuddin bersama Tengku Permaisuri Hajah Norashikin meninjau proses pembuatan dim sum di Puncak Alam, Kuala Selangor pada 18 Januari. Mengiringi Baginda EXCO Kerajaan Tempatan Dato' Ng Suee Lim. Foto Facebook Selangor Royal Office

Kawasan industri baharu rancak pelaburan

Bantu negeri raih RM2.858 billion

Oleh NORRASYIDAH ARSHAD

AMPANG JAYA - Perkembangan ekonomi yang positif termasuk kemasukan pelaburan yang agresif sepanjang tahun lalu menjana hasil sebanyak RM2.858 billion, kata Dato' Menteri Besar.

Menurut Dato' Seri Amirudin Shari, pencapaian itu dibantu pembukaan kawasan industri baharu, pembangunan, perkilangan, pusat data dan pusat kecemerlangan yang rancak berkembang.

"Selangor catat hasil akhir pendapatan 2024 berjumlah RM2.858 billion, tertinggi dalam sejarah negeri. Jum-

lah itu melepas pencapaian terbaik kutipan pada 2017 sebanyak RM2.811 billion.

"Sepanjang tahun lalu juga, Selangor mencatat prestasi perbelanjaan mengurus sebanyak 98.07 peratus dan perbelanjaan pembangunan 97.18 peratus," katanya pada 17 Januari.

Ucapan beliau dibacakan EXCO Kesihatan Jamaliah Jamaluddin dalam Majlis Makan Malam Apresiasi Pembangunan Ampang Jaya di sini.

Amirudin memberitahu kerjasama erat antara pentadbiran negeri dengan sektor swasta dan pihak berkuasa tempatan antara faktor menyumbang kepada kejayaan memacu ekonomi Selangor.

SHAH ALAM - Selangor terus menjadi negeri contoh dalam mengembangkan inisiatif berasaskan teknologi dan inovasi bagi menyokong pembangunan ekonomi negara.

Menurut Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari, Kerajaan Negeri menjalin kerjasama dengan Google untuk membangunkan aplikasi kecerdasan buatan (AI).

Beliau berkata usaha itu dijayakan dibuat melalui pembangunan AI Trailblazers dan penubuhan Pusat Inkuba-

tor AI Selangor yang menyediakan latihan dan pendidikan AI bermutu tinggi.

"Selangor juga memacu pertumbuhan dalam industri cip dengan pembangunan Taman Reka Bentuk Semikonduktor (IC) di Puchong dan Cyberjaya.

"Selain itu, (Selangor) turut meneroka potensi tenaga boleh diperbaharui melalui Payung Solar Farm dan projek sisita kepada tenaga (WTE)," katanya seperti dilapor Sinar Harian.

Amirudin menambah Selangor akan terus memacu gelombang ekonomi

"Pemaju patuh dengan semua dasar dan peraturan yang kita tetapkan dalam syarat permohonan kawalan pemaju dan kebenaran merancang," katanya.

Selangor memperoleh kutipan hasil RM2.7 billion pada 2023, RM2.5 billion (2022) dan RM2.3 billion pada 2021.

Menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia pada Julai tahun lalu, Selangor penyumbang tertinggi kepada Keluaran Dalam Negara Kasar sebanyak 25.9 peratus pada tahun lalu.

Meningkat 0.4 peratus berbanding 2022, nilai ekonomi Selangor juga pertama kali mencecah RM406.1 billion, sekali gus negeri pertama di Malaysia melebihi paras nilai RM400 billion.

mendarat dengan memberi dampak terhadap ekonomi Malaysia dan dunia menerusi teknologi serta inovasi.

Sebelum ini, beliau memberitahu Selangor akan membentang kertas putih AI merangkumi usaha meningkatkan kecekapan khidmat kerajaan dalam sidang Dewan Negeri akan datang.

Menurutnya, kertas tersebut menyentuh kapasiti mengaudit teknologi itu selain menilai kaedah AI sebagai pelengkap komuniti pekerja.

Sultan rasmi kilang Sekinchan Dim Sum

KUALA SELANGOR - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj menyempurnakan perasmian kilang Sekinchan Dim Sum Sdn Bhd di Eko Perindustrian 5 di sini.

Bersama DYMM Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Hajah Norashikin, Baginda menyaksikan proses membuat dim sum dan beramah mesra serta melayan permintaan pengunjung untuk berswafoto.

Sultan Sharafuddin turut menandatangani plak perasmian dan bersantap hidangan tradisi klasik masyarakat Cina sambil menyaksikan persembahan kebudayaan dalam majlis pada 18 Januari.

Menurut Pengarah Kilang Sekinchan Dim Sum Sdn Bhd Chee Yong Fatt, kilang yang memiliki 50 pekerja mula beroperasi sejak 2023.

"Kami berhasrat untuk membawa nama Sekinchan melalui produk dim sum yang ditawarkan menembusi peringkat antarabangsa," katanya.

Tingkat kecekapan operasi anggota

SHAH ALAM - Pemilikan asset treler pemuat rendah meningkatkan kecekapan operasi penguatkuasaan Pejabat Tanah dan Galian Selangor, kata Pengaruhnya Dato' Dr Yusri Zakariah.

Beliau berkata jentera baharu itu juga memudahkan urusan logistik untuk membawa lori atau jentolak yang dirampas melibatkan kes kecurian bahan batuan ke stor penyimpanan.

"Sebelum ini kita pinjam daripada agensi lain, majlis perbandaran atau sewa dengan operator luar.

"Lori atau jentolak yang dirampas dalam operasi penguatkuasaan perlu dibawa ke stor rampasan PTGS di Seksyen 7, Shah Alam. Jadi dengan adanya jentera baharu ini, urusan logistik lebih lancar," katanya pada 21 Januari.

Tambah jentera tampal jalan

SHAH ALAM - Selangor bakal menambah satu lagi jentera Jetpatcher kepada InfraSel Sdn Bhd bagi memastikan tumpalan jalan raya rosak di negeri ini tahan lebih lama.

EXCO Infrastruktur Dato' Ir Izham Hashim berkata ketahanan tumpalan jalan juga lebih berkualiti kerana teknologi bancuhannya kuat dan panas, berbanding kaerah sebelum ini.

"Selain tahan lama, tumpalan dapat dilakukan dalam tempoh singkat berikut mesin dari United Kingdom ini mempercepat proses tiga kali ganda," katanya pada 14 Januari.

Pada September tahun lalu, Selangor menerima Jetpatcher pertama bernilai RM1 juta untuk melaksanakan kerja-kerja membaiki kerosakan jalan raya di negeri ini.

Jadi contoh kembang teknologi

SHAH ALAM - Selangor terus menjadi negeri contoh dalam mengembangkan inisiatif berasaskan teknologi dan inovasi bagi menyokong pembangunan ekonomi negara.

Menurut Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari, Kerajaan Negeri menjalin kerjasama dengan Google untuk membangunkan aplikasi kecerdasan buatan (AI).

Beliau berkata usaha itu dijayakan dibuat melalui pembangunan AI Trailblazers dan penubuhan Pusat Inkuba-

Tutup sepenuhnya operasi taska

SHAH ALAM - Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengarahkan operasi taman asuhan kanak-kanak (taska) di Bandar Saujana Putra, Kuala Langat yang dipercayai terbabit dalam kes kematian bayi lelaki berusia empat bulan pada 3 Januari lalu ditutup sepenuhnya.

EXCO Kebajikan Masyarakat Anfaal Saari berkata arahan itu berikutnya operator taska berkenaan akan menghadapi pendakwaan mengikut Akta Kanak-Kanak 2011.

Beliau berkata JKM juga meminta ibu bapa untuk menghantar anak masing-masing ke taska lain, lapor Bernama.

"Mungkin ada ibu bapa beranggapan ini (penutupan) bagi tempoh sementara sahaja tetapi menurut JKM, ia ditutup sepenuhnya."

"Difahamkan, kertas siasatan hampir selesai dan pendakwaan akan dilakukan dalam masa terdekat. Taska ini kekal ditutup kerana tidak berdaftar dan ada kes membabitkan Akta Kanak-Kanak," katanya pada 20 Januari.

Peluang cungkil bakat baharu sukan

SHAH ALAM - Sukan Malaysia (SUKMA) 2026 menjadi medan pencarian bakat baharu untuk digilap bagi mewakili negeri dan negara dalam temasya antarabangsa pada masa depan.

Ketua Pegawai Eksekutif Sekretariat SUKMA Selangor Dato' Mohd Yazid Sairi memberitahu banyak rekod dalam pelbagai acara sukan dipecahkan dalam penganjuran temasya tersebut sebelum ini.

"Kita dapat banyak rekod peringkat kebangsaan atau Sukan SEA dipecahkan atlet ketika penyertaan mereka dalam SUKMA," katanya dalam program Bicara Semasa terbitan Media Selangor.

Selangor bakal menjadi tuan rumah temasya dwitahunan itu pada 2026 selepas kali terakhir menganjurkan sukan berprestij tersebut pada 1998.

Mengulas mengenai persiapan, beliau yakin kemudahan sukan di Selangor berada dalam keadaan sempurna dan selesa untuk menerima kehadiran kontingen serta penonton dari seluruh negara.

Beliau juga percaya penganjuran temasya berkenaan juga memberi dampak ekonomi yang baik kepada masyarakat setempat.

Teliti keseluruhan persediaan negeri

PETALING JAYA - Mesyuarat pertama penganjuran Sukan Malaysia (SUKMA) 2026 pada 20 Januari meneliti pelbagai persediaan keseluruhan Selangor selaku tuan rumah.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu lokasi utama pembukaan SUKMA bagi menggantikan Stadium Shah Alam belum dimuktamad dengan beberapa pilihan sedia tersenarai.

"Kita tidak mahu tergesa-gesa sehingga menyebabkan kualiti stadium terganggu. Kita akan bincang balik dengan pihak pembangunan stadium

sama ada boleh siap atau tidak.

"Yang kedua, kita akan senarai beberapa pilihan seperti di Stadium Merdeka atau Stadium Bukit Jalil, atau laksanakan secara tertutup di Stadium Melawati," katanya pada 15 Januari.

Amirudin menambah pentadbiran negeri akan meneliti keperluan penganjuran acara temasya dwitahunan itu di daerah lain khususnya membabitkan di luar bandar.

"Kemudahan sukan di Selangor tidak tertumpu kepada tempat sahaja tapi kita akan lihat dari segi pelaksanaan. Kalau guna kemudahan di Sabak Ber-

nam akan libatkan isu jarak dan kos.

"Bagaimanapun perkara itu bergantung kepada jawatankuasa SUKMA yang akan memberi cadangan," katanya lagi.

Pada 9 Januari, Kerajaan Negeri melantik Dato' Mohd Yazid Sairi sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan Venu Ramadass Ketua Pegawai Operasi bagi Sekretariat SUKMA Selangor 2026.

EXCO Sukan Najwan Halimi memberitahu pelantikan berkenaan sebahagian proses awal untuk memastikan penganjuran temasya edisi ke-22 berjalan lancar.

Kerjasama IPT tambah jumlah sukarelawan

Cadang cipta lagu, logo SUKMA

Oleh SUHAILA SHAHRUL ANNUAR

SHAH ALAM - Sekretariat Sukan Malaysia (SUKMA) Selangor 2026 bercadang mengadakan pertandingan mencipta logo, maskot dan lagu temasya dwitahunan itu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Dato' Mohd Yazid Sairi berkata penganjuran sedang mengenal pasti elemen tersebut untuk menyemarakkan lagi penganjuran edisi ke-22 pada tahun depan.

"Untuk persiapan awal, kita dalam proses untuk mengenal pasti konsep. Contohnya, konsep bagi logo, lagu dan maskot SUKMA 2026."

"Itu sangat penting dan bila ada satu

temasya besar akan ada perkara-perkara yang melibatkan elemen berkenaan," katanya dalam program Bicara Semasa terbitan Media Selangor baru-baru ini.

Mohd Yazid menambah promosi SUKMA 2026 diperluas ke pelbagai peringkat termasuk platform Tahun Melawat Selangor 2025 (TMS2025) dan kerjasama pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Sukan satu industri besar, bernilai bilion ringgit. Selangor tidak mahu lepaskan peluang jana ekonomi dengan penganjuran temasya sukan pada peringkat tempatan mahupun antarabangsa."

"Kebetulan tahun ini 2025, jadi kita akan sertakan promosi penganjuran SUKMA dengan kegiatan dan program

yang dirancang bersempena TMS2025.

"Kita turut mendapatkan kerjasama PBT yang ada kemudahan pengiklanan termasuk papan iklan diod pemancar cahaya (LED) selain kerjasama agensi kerajaan untuk hebatan," katanya.

Selain Sukarelawan Selangor (SERVE) dan Penggerak Belia Selangor (PeBS) menurut Mohd Yazid, pihaknya bekerjasama dengan institusi pengajian tinggi bagi menambah bilangan sukarelawan.

Sebelum ini, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu sekurang-kurangnya seramai 7,000 sukarelawan diperlukan bagi memastikan kelancaran temasya berkenaan

Persiapan demi kelancaran temasya

SHAH ALAM - Selepas kali terakhir menganjurkan Sukan Malaysia (SUKMA) pada 1998, Selangor giat membuat persiapan awal bagi memastikan kelancaran penganjuran temasya dwitahunan itu.

Menurut ketua pegawai eksekutif sekretariatnya, persiapan itu termasuk pembangunan prasarana, tambah baik kemudahan sukan, pemilihan tempat, perkampungan sukan dan

pengurusan acara.

Dato' Mohd Yazid Sairi berkata arena penganjuran dikenal pasti bagi memastikan kemudahannya sesuai untuk semua pihak termasuk orang kurang upaya (OKU) bagi kejohanan Para SUKMA.

"Yang penting bagi kami pada peringkat awal ini memastikan tempat yang dipilih itu kondusif kepada semua pihak sebagaimana ditetapkan Kementerian Belia dan Sukan," katanya lagi.

Dalam program Bicara Semasa terbitan Media Selangor baru-baru ini, beliau mengakui pemberian prasarana mungkin perlu berikutnya sesetengah tempat digunakan sejak lebih 20 tahun dulu.

"Tetapi pada peringkat 12 pihak berkuasa tempatan (PBT), prasarana sukan sangat baik, contohnya Stadium Kelana Jaya, Selangor FC gunakan untuk Liga Malaysia," katanya.

Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
23 Khamis	6:06	6:16	7:24	1:28	4:50	7:26	8:38
24 Jumaat	6:06	6:16	7:25	1:28	4:50	7:26	8:39
25 Sabtu	6:06	6:16	7:25	1:28	4:50	7:26	8:39
26 Ahad	6:06	6:16	7:25	1:29	4:50	7:27	8:39
27 Isnin	6:07	6:17	7:25	1:29	4:50	7:27	8:39
28 Selasa	6:07	6:17	7:25	1:29	4:51	7:27	8:39
29 Rabu	6:07	6:17	7:25	1:29	4:51	7:27	8:39

Klang dan Kuala Langat

Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
6:06	6:16	7:25	1:28	4:50	7:27	8:39
6:06	6:16	7:25	1:29	4:51	7:27	8:40
6:06	6:16	7:26	1:29	4:51	7:27	8:40
6:06	6:16	7:26	1:29	4:51	7:27	8:40
6:07	6:17	7:26	1:29	4:51	7:28	8:40
6:07	6:17	7:26	1:29	4:51	7:28	8:40
6:07	6:17	7:26	1:30	4:51	7:28	8:40

Sabak Bernam dan Kuala Selangor

Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
6:08	6:18	7:26	1:30	4:52	7:27	8:40
6:08	6:18	7:27	1:30	4:52	7:28	8:40
6:09	6:19	7:27	1:31	4:52	7:28	8:40
6:09	6:19	7:27	1:31	4:53	7:28	8:41
6:09	6:19	7:27	1:31	4:53	7:29	8:41
6:10	6:20	7:27	1:31	4:53	7:29	8:41



CERIA... Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah bertemu pelajar Sekolah Kebangsaan Jalan Enam usai perasmian 'UK-Malaysia STEM Education Campaign: STEM School Tour 2025' di Bandar Baru Bangi, Hulu Langat pada 15 Januari. Foto Facebook Selangor Royal Office

Sedia insentif galak pemilik kilang daftar

Sasar premium RM150 juta

Oleh **DANIAL DZULKIFLY**

HULU LANGAT - Kerajaan Negeri men-
yasar kutipan premium sekurang-ku-
rangnya RM150 juta melalui proses
pemutihan kilang tidak berdaftar dalam
tempoh tiga tahun.

EXCO Kerajaan Tempatan Dato' Ng Suee Lim berkata sasaran tersebut ber-
gantung kepada pendaftaran lebih 80
peratus daripada 6,690 kilang haram
yang beroperasi di Selangor.

Menurut beliau, pentadbiran negeri mencari penyelesaian menang-menang bagi membantu pemilik kilang beroperasi secara sah, sambil memastikan pematuhan undang-undang tempatan.

"Kita mahu pengendali kilang tampil dan berbincang kerana ramai beroperasi selama beberapa dekad tanpa lesen sah, justeru kita ingin bantu dapat permit yang diperlukan," katanya.

Beliau menyertai dialog awam Program Pematuhan dan Penguatkuasaan Kilang Tidak Sah di Selangor 2025-2027 (Zon Selatan) di sini pada 16 Januari.

Suee Lim memberitahu Selangor memperkenal beberapa insentif untuk menggalakkan pengendali kilang membuat pemutihan, termasuk potongan 30 peratus bagi premium pe-

nukaran guna tanah.

Insentif lain, katanya, bayaran premium tanah nominal, permit tanah khas, lesen sementara dan pematuhan keperluan teknikal minimum untuk permohonan kepada pihak berkuasa tempatan.

Beliau juga menegaskan langkah penguatkuasaan lebih ketat akan dilaksanakan pada tahun ini terhadap kilang-kilang haram yang didirikan atas tanah kerajaan termasuk merampas tanah itu.

"Biasanya apabila kita keluarkan notis, pemilik misteri yang tidak pernah berhubung dengan negeri akan muncul. Jadi, saya merayu pengendali untuk datang dan berbincang," katanya.

Selangor dijangka mengeluarkan 97 Notis 7A bawah Seksyen 128 Kanun Tanah Negara pada bulan ini atas kesalan pelanggaran syarat.

Jika pemilik tanah mengendahkan-nya, proses penguatkuasaan melibatkan pengeluaran Notis 7B bawah Seksyen 129, seterusnya Notis 8A bawah Seksyen 130 dibuat mulai 1 Januari 2026.

Proses pengesahan, bermula pada 1 September 2024 diteruskan sehingga 31 Disember 2027 sebagai sebahagian daripada strategi negeri untuk mendafarkan kilang haram.

Selaras panduan niaga dari rumah

HULU LANGAT - Selangor mempertimbang untuk menyelaras garis panduan perniagaan dari rumah (home-based business) berikutan peningkatan amalan tersebut, kata EXCO kerajaan tempatan.

Menurut Dato' Ng Suee Lim, negeri bertolak ansur terhadap perniagaan seperti kafe dan kedai makan yang beroperasi dari rumah terutama ketika pandemik Covid-19 bagi mencari pendapatan.

"Keadaan hari ini agak serupa tetapi pemberian lesen sementara bagi perniagaan berasaskan rumah adalah berdasarkan budi bicara pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Mereka bertanggungjawab untuk menilai sama ada perniagaan tersebut sesuai dengan lokasi," katanya pada 16 Januari.

Beliau juga memberitahu pertimbangan pemberian lesen bergantung kepada pelbagai faktor, termasuk jenis dan lokasi hartanah, selain kepadatan kawasan.

"Tidak semua rumah sama. Ada di lot atau kejiranan kurang padat, ada juga berdekatan bangunan bertingkat yang boleh menyebabkan kesesakan lalu lintas atau ketidakselesaan kepada jiran.

"Ia perlu dinilai kes demi kes, tetapi kita akan mengadakan mesyuarat untuk membincangkan garis panduan yang sesuai bagi isu berkenaan," katanya.

Kukuh kedudukan pelancongan

SHAH ALAM - Selangor mengukuhkan kedudukan sebagai destinasi pelancongan terkemuka dengan menyertai Forum Pelancongan Asean (ATF) 2025 di Johor Bahru bagi mempromosi Tahun Melawat Negeri.

Menerusi kenyataan, Tourism Selangor memberitahu usaha itu bagi memenuhi sasaran lapan juta pelancong dan menjana pendapatan RM11.7 bilion menerusi pelbagai kerjasama strategik.

"ATF 2025 merupakan platform terbaik bagi mengukuhkan kedudukan Selangor dalam pasaran pelancongan global. Acara dihadiri delegasi negara Asean dijangka menarik lebih 1,000 pembeli dan penjual.

"Tourism Selangor juga menjangkakan hasil jualan yang tinggi semasa sesi Program Pertukaran Pelancongan ASEAN (Travex) 2025," kata badan pelancongan negeri itu.

Kad sim percuma mahasiswa

SHAH ALAM - Seramai 3,000 mahasiswa anak Selangor bakal menerima kad modul pengenalan pelanggan (SIM) dengan data internet percuma untuk menyokong pembelajaran mereka.

Ketua Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) Ahmad Azri Zainal Nor berkata pemberian selepas Aidilfitri itu turut melibatkan mahasiswa negeri di semua institusi pengajian tinggi.

"Ini khas untuk anak Selangor yang sedang melanjutkan pelajaran. Kad SIM lengkap data internet ini dapat memudahkan urusan pembelajaran dan diberikan percuma selama setahun.

"Inisiatif ini sekali gus dapat menyelesaikan isu WiFi di kampus. Kita harap usaha negeri ini akan memberi manfaat besar kepada penerima," katanya pada 14 Januari.

Kerjasama gamit pelancong

KUALA LANGAT - Tourism Selangor menyeru penggiat industri berganding bahu bagi merancakkan sektor pelancongan sempena Tahun Melawat Selangor 2025 (TMS2025).

Ketua Pegawai Eksekutifnya Chua Yee Ling berkata geran kepada persatuan dan komuniti disediakan bagi mencapai sasaran lapan juta pelancong mengunjungi Selangor tahun ini.

"Persatuan Kebudayaan Jenjarom telah berjaya mendapat geran industri pelancongan daripada Tourism Selangor bagi peringkat pertama berjumlah RM10,000 sebagai satu sokongan.

"Kita harapkan dengan geran ini, ia boleh menggalakkan lebih banyak persatuan dan komuniti untuk bersama-sama Tourism Selangor membangunkan pelancongan di Selangor," katanya pada 20 Januari.

Perluas pendidikan anak istimewa

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri berhasrat untuk memperluas Pusat Sokongan Pendidikan Awal Anak Istimewa Selangor (Pusat ANIS) di setiap pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini.

EXCO Kebajikan Masyarakat Anfaal Saari menjelaskan usaha tersebut yang masih dalam peringkat perbincangan bertujuan mengatasi kesesakan pelajar di pusat sedia ada.

Beliau memberitahu Pusat ANIS sejauh ini hanya berupaya menempatkan kira-kira 120 pelajar tetapi permohonan

yang diterima pihaknya mencecah 600 orang.

"Tidak boleh sekadar memenuhi hasrat dan padatkan pusat sedia ada kerana ada syarat tertentu perlu dipatuhi," katanya selepas melawat Pusat Prasekolah ANIS di Seksyen 7 di sini pada 15 Januari.

Anfaal berkata pusat intervensi bergerak juga bakal diperkenal bagi memudahkan akses kepada bantuan ANIS tetapi bergantung kepada peruntukan sedia ada sebelum memulakan rancangan itu.

"Pada tahun ini, kami rancang untuk wujudkan pusat intervensi bergerak supaya program ini dapat diakses mereka yang berada di pinggir bandar," katanya.

Pusat ANIS merupakan bantuan disediakan Kerajaan Selangor bagi memastikan murid-murid berkeperluan khas mendapat peluang dan kemudahan pendidikan.

Belanjawan 2025 memperuntuk dana RM2.3 juta bagi meneruskan Iltizam Anak Istimewa Selangor.

Mudahkan pengguna rancang perjalanan

Aplikasi pacu pelancongan pintar

Oleh FITRI HAZIM HAZAM

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) melancarkan aplikasi Gemilang (Hello Subang Jaya) bagi memacu pelancongan pintar sempena kempen Tahun Melawat Selangor 2025 (TMS2025).

Menurut Bahagian Komunikasi Korporatnya, aplikasi berkenaan menyediakan maklumat mengenai destinasi pelancongan, acara utama dan promosi sekitar bandar raya Subang Jaya.

"Ia membolehkan pengguna me-

rancang jadual perjalanan secara efisien penyediaan jadual perjalanan, tempahan penginapan, makanan dan pengangkutan dalam talian.

"Platform ini menyediakan kemudahan kepada pengguna untuk berbelanja secara dalam talian dan memperkuuh elemen komuniti digital," kata kenyataan.

MBSJ berharap aplikasi itu mendapat sambutan masyarakat setempat bagi memperkuuh bandar raya berkenaan sebagai destinasi pelancongan pintar yang mendukung inovasi dan kelestarian.

Aplikasi Hello Subang Jaya boleh dimuat turun melalui induk 'Gemilang MBSJ' dari Google Play atau Apple App Store.

Kerajaan Negeri menyasar kehadiran lapan juta pengunjung ke Selangor pada tahun ini dengan jangkaan transaksi RM11.7 bilion sempena TMS2025.

TMS2025 disasar menawarkan lebih 60 program dan acara dengan promosinya memberi penekanan khusus kepada beberapa segmen termasuk ekopelancongan, agro, seni dan budaya.

Tiada amalan pilih kasih gender

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri akan memperkenal kerangka kepelbagaian, kesaksamaan dan inklusif (DEI) untuk mempromosi kesaksamaan gender dalam amalan pengambilan pekerja.

Menurut EXCO pembangunan wanita, inisiatif dengan kerjasama swasta itu bertujuan meningkatkan lagi kadar penyertaan tenaga kerja wanita, dari pada 53 kepada 60 peratus menjelang 2030.

"Tahun ini, Kerajaan Negeri melalui Wanita Berdaya Selangor akan melancarkan inisiatif baharu untuk mempromosi inklusif (terangkum) dalam tenaga kerja.

"Ini termasuk program yang menyokong wanita kembali bekerja dan membantera diskriminasi gender di tempat kerja dengan memperkenal kerangka DEI," kata Anfaal Saari pada 15 Januari.

Beliau mengulas kenyataan Ahli

Ekonomi Kanan Bank Dunia Shakira Teh Sharifuddin yang menekankan kepentingan mengupah lebih ramai wanita dan warga emas bagi merancakkan ekonomi.

Anfaal percaya kerangka itu juga mencerminkan sikap proaktif Selangor dalam menghapuskan jurang (bias) gender, meningkatkan inklusif dan memastikan tenaga kerja mampu dan beragam.

Sasar RM85 juta kutipan wakaf

SHAH ALAM - Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) menyeru kutipan keseluruhan wakaf tunai dan khas lebih RM85 juta tahun ini berbanding RM60 juta pada 2024.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Anuar Hamzah Tohar yakin sasaran itu mampu dicapai ekoran kesedaran orang ramai dalam berwakaf kian meningkat hasil promosi perbadanan tersebut.

Menjelaskan tahap kesedaran naik sekitar dua hingga tiga peratus, beliau berkata

ta lebih 16,000 orang berwakaf melalui sistem potongan gaji dan perbankan dalam talian sepanjang tahun lalu.

"Apabila adanya peningkatan begini, ia satu bentuk makluman bahawa promosi PWS setiap tahun memberi kesan kepada masyarakat terutama golongan berpendapatan tinggi (T20).

"Kalau berjaya capai (sasaran), ia memberi kefahaman kepada orang ramai berkenaan wakaf dan mampu salur lebih banyak sumber kepada umat

Islam dan bukan Islam," katanya pada 16 Januari.

Anuar menjelaskan PWS juga giat memperhebat kempen berwakaf pada tahun ini bagi menarik lebih ramai lagi individu dan syarikat sekali gus menjadikan ibadat tersebut sebagai budaya.

Wakaf tunai boleh dibuat dalam talian menerusi fpw.wakafselangor.gov.my/ewo_login.asp atau potongan bulanan melalui bo.wakafselangor.gov.my bermula 1 Januari tahun ini.



GEMPUR... Pengarah Pejabat Tanah dan Galian Selangor Dato' Dr Yusri Zakariah merasmikan pemilikan jentera treler pemuat rendah dan perbarisan anggota penguat kuasa di pekarangan bangunan pentadbiran negeri di Shah Alam pada 21 Januari. Foto FIKRI YUSOF ► BERITA MUKA 3

Bimbang had umur persaraan dinaikkan

Elak persaingan tidak seimbang

Oleh YASMIN RAMLAN

SHAH ALAM - Belia Malaysia menyuarakan keimbangan cadangan menaikkan had umur persaraan boleh mengehadkan peluang pekerjaan golongan itu, selain mewujudkan persaingan tidak adil.

Bekas presiden perwakilan pelajar Universiti Malaysia Sabah berkata kerajaan perlu memberi kepercayaan kepada belia dan berusaha mendekatkan mereka kepada pasaran kerja tempatan.

Menurut Jeeva Cassandra Abdul Mumin, peningkatan tenaga kerja merentas pelbagai demografi boleh mewujudkan peluang untuk kerjasa-

ma antara individu berpengalaman dan anak muda.

"Apabila pekerja berpengalaman kekal dalam tenaga kerja lebih lama, majikan mungkin cenderung memilih mereka berbanding belia yang kurang pengalaman.

"Ini boleh menyebabkan persaingan tidak seimbang dalam sektor pekerjaan. Kerajaan perlu percaya keupayaan belia kerana mereka dilatih untuk memenuhi permintaan industri semasa," katanya pada 17 Januari.

Beliau mengulas cadangan terkini ahli ekonomi Bank Dunia yang mencadangkan Malaysia menaikkan umur persaraan 60 tahun untuk melibatkan lebih ramai warga emas da-

lam tenaga kerja.

Seorang lagi bekas presiden perwakilan pelajar berpendapat kerajaan perlu memperkenal beberapa langkah termasuk program subsidi pengambilan pekerja dan latihan untuk bakal graduan.

"Ini bagi memastikan mereka dapat memasuki pasaran kerja sambil mendapat manfaat dan panduan daripada golongan berpengalaman," kata Muhammad Hisyamuddin Sazali.

Sebelum ini, EXCO Pembangunan Wanita Anfaal Saari berkata Selangor bakal memperkenal pelan kepelbagaian, kesaksamaan dan inklusif untuk mempromosi kesaksamaan gender dalam amalan pengambilan pekerja.

Bola pikel kian dapat sambutan

SHAH ALAM - Corak permainan yang mudah dipelajari menarik minat pelbagai lapisan masyarakat merasai sendiri pengalaman bermain bola pikel, kata ketua pegawai eksekutif PKNS Real Estate Sdn Bhd (PREC).

Menurut Fakru Radzi Ab Ghani, perkembangan tersebut membolehkan sukan yang tidak memerlukan keupayaan tinggi itu berkembang pantas sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

"Pada mulanya, permainan ini diperkenal untuk golongan warga emas. Namun lama-kelamaan ia turut menarik

minat golongan muda.

"Permainan ini juga mendapat perhatian daripada pelbagai lapisan masyarakat kerana kesederhanaannya serta tidak memerlukan keupayaan fizikal terlalu tinggi," katanya pada 19 Januari.

PREC yang menguruskan Gelanggang Sukan Arena A.T.A.S di pusat beli-belah SACC, di sini, mempelawa pemain sukan bola pikel menggunakan kemudahan berkenaan dengan sewa serendah RM30 sejam pada hari biasa manakala RM35 (hujung minggu).

Fakru Radzi berkata pihaknya mene-

rima 100 tempahan dengan kehadiran pemain daripada pelbagai peringkat umur sejak gelanggang itu dibuka pada Mei tahun lalu.

Sebelum ini, EXCO sukan berhasrat memperbanyak lagi program bola pikel bagi menarik minat masyarakat khususnya rakyat Selangor dengan penyediaan RM1 juta dalam belanjawan tahun ini.

Meski sukan itu masih baharu di Malaysia, Najwan Halimi percaya bola pikel memiliki potensi cerah untuk dikembangkan dan mampu melahirkan ramai bakat profesional.

Patuhi tahap kebersihan ladang

SHAH ALAM - Premis ternakan yang tidak mematuhi tahap kebersihan yang ditetapkan perlu dikenakan tindakan tegas, kata wakil rakyat Tanjong Sepat.

Gesaan Datuk Borhan Aman Shah itu susulan bantahan penduduk ke atas premis yang didakwa menjadi punca ribuan alat mengganggu penduduk di Kampung Ladang Batu, Tanjong Sepat sejak tiga tahun lalu.

"Sebelum ini pihak kami sudah memanggil semua agensi seperti veterinar, pihak berkuasa tempatan, jabatan alam sekitar, pejabat tanah, semua penternak serta wakil penduduk untuk bersemuka berbincang mengenai isu ini.

"Satu solusi diambil (ketika mesyuarat) bahawa tindakan boleh diambil kepada (premis penternakan) yang tidak mengikut peraturan," katanya pada 20 Januari.

Mohon BINGKAS di laman rasmi

SHAH ALAM - Permohonan inisiatif Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS) hanya dibuka menerusi laman sawang bingkasselangor.com dan aplikasi Langkah Masuk Dengan Selamat (SELangkah) bagi mengelakkan penipuan.

EXCO Kebajikan Masyarakat Anfaal Saari menegaskan sebarang maklumat berkaitan permohonan BINGKAS yang disebarluaskan di Facebook atau WhatsApp adalah tidak sah dan tidak rasmi.

"Pemohon BINGKAS diingatkan supaya berhati-hati. Kerajaan Negeri tidak pernah mewujudkan sebarang 'Facebook page' untuk tawaran bantuan BINGKAS."

"Saya ingatkan orang ramai yang ingin memohon bantuan BINGKAS supaya menggunakan dua saluran rasmi sahaja elak diperdaya sindiket," katanya pada 15 Januari.

Daftar saringan kanak-kanak

SHAH ALAM - Program saringan perkembangan awal kanak-kanak Selangor secara percuma berlangsung dua hari pada 8 dan 9 Februari, menurut Yayasan Warisan Anak Selangor (Yawas).

Yawas memaklumkan pemeriksaan menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI) itu khusus buat kanak-kanak berumur tiga hingga lima tahun dari kalangan keluarga berpendapatan rendah.

Program berkenaan dijadual berlangsung di Pusat Sokongan Pendidikan Awal Anak Istimewa Selangor (ANIS) di Pusat Konvensyen Ideal Shah Alam mulai 9 pagi hingga 5 petang.

"Pendaftaran saringan ini wajib melalui aplikasi Yawas di telefon bimbit. Pendaftaran untuk saringan dibuka pada 8 Januari dan tarikh tutup permohonan 3 Februari depan," kata kenyataan.

Pastikan pelajar, guru selesa

SHAH ALAM - Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI menyediakan peruntukan RM1 juta bagi membaik pulih prasarana sekolah di seluruh negeri pada tahun ini.

Ketua Ahmad Azri Zainal Nor menjelaskan dana tahunan tersebut bertujuan meningkatkan lagi kemudahan sedia ada sekali gus menambah baik mutu pembelajaran pelajar.

"Setiap tahun Yayasan MBI menyediakan peruntukan khas bagi program pembangunan pendidikan termasuk baik pulih prasarana sekolah.

"Tahun ini, RM1 juta akan diagih kepada sekolah yang perlu naik taraf kemudahan. Semoga bantuan ini memanfaatkan pelajar dan warga pendidik," katanya pada 10 Januari.

Tambah CCTV cegah sampah haram

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menambah lapan unit kamera litar tertutup (CCTV) bagi memantau perbuatan pembuangan sampah di lokasi panas serta mengenal pasti pelaku.

Menurut Unit Komunikasi Korporatnya, CCTV di Jalan PJU 1A/7, Jalan SS 20/11, Jalan PJS 1/21A dan Jalan 18/17 tambahan kepada 19 unit sedia ada di lokasi panas termasuk lembangan sungai.

"Anggota penguat kuasa juga melaksanakan pemantauan dan rondaan dalam tempoh 24 jam di lokasi panas pembuangan sampah haram tersebut," kata kenyataan pada 14 Januari.

Sebanyak 594 kompaun dikenakan kepada individu dan pemilik premis yang ingkar kerana membuang sampah di lokasi yang tidak dibenarkan sepanjang tahun lalu. Sita kenderaan dan pendakwaan mahkamah juga dibuat.

Modal niaga hingga RM50,000

SHAH ALAM - Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah Selangor) menawarkan bantuan modal khusus kepada golongan wanita di negeri ini yang ingin memulakan perniagaan kecil-kecilan.

Agensi itu memaklumkan di Facebook, bantuan modal di bawah skim Niaga Darul Ehsan (NaDi) itu menyediakan pembiayaan sehingga RM50,000.

"Daripada perniagaan makanan, kraf-tangan hingga servis kecantikan, usahawan wanita berkumpulan di Sabak Bernam dan Hulu Selangor boleh menikmati pembiayaan sehingga RM50,000 untuk mengembangkan perniagaan mereka.

"Layari hijrahselangor.com untuk maklumat lanjut atau imbas kod QR pada poster untuk permohonan dalam talian," maklumnya di Facebook pada 19 Januari.

Agih RM2.1 juta sumbangan pewakaf

SHAH ALAM - Sebanyak RM2.105 juta wakaf dikutip hasil sewaan premis, tanah dan bazar sepanjang tahun lalu, kata Ketua pegawai eksekutif Perbadanan Wakaf Selangor (PWS).

Anuar Hamzah Tohar memberitahu kutipan tersebut membabitkan 74 premis dengan nilai sewaan RM684,000, 69 bidang tanah (RM1.248 juta) dan 32 unit bazar wakaf (RM173,000).

"Hasil sewaan agihan manfaat wakaf ini diserahkan kepada penerima yang mana pewakaf telah niat sama ada kepada masjid, surau dan institusi.

"Manfaat yang diagih ini secara tidak langsung individu melaksanakan amalan berwakaf jariah pahalanya telah dipanjangkan," katanya lagi.

Beliau menyampaikan perutusan Pengurus PWS Dato' Ibrahim Md Yusof di sini pada 16 Januari.

Ibrahim turut menyuru masyarakat di negeri ini untuk menjadikan amalan berwakaf sebagai budaya demi manfaat di dunia dan akhirat.

"PWS turut menyediakan lebih 100 tabung untuk berwakaf di pelbagai lokasi sekitar negeri ini termasuk sistem

potongan gaji dan kod QR bagi membantu memudahkan ibadat berwakaf," katanya.

Dalam majlis itu, PWS menyerahkan sumbangan kepada 11 penerima antaranya Masjid Jamiul Hasaniah, Klang sebanyak RM121,800 diikuti Surau Madrasatul Sofwa (RM68,437.50) dan Masjid Nahdiah Al Islam (RM67,587.50).

Wakaf tunai boleh dibuat menerusi fpx.wakafselangor.gov.my/ewo_login.asp atau potongan bulanan di Sistem Borang Online PWS (bo.wakafselangor.gov.my) mulai 1 Januari tahun ini.

Pengunjung enggan lepaskan peluang belanja

Jualan murah Tahun Baharu Cina

Oleh SHEEDA FATHIL

SUBANG JAYA - Orang ramai berharap program Jualan Ehsan Rahmah (JER) dianjurkan besar-besaran sempena sambutan Tahun Baharu Cina tidak lama lagi.

Ng Mee Fong, 68, yang lebih 20 kali berkunjung ke JER kendalian Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) menyifatkan barang yang ditawarkan murah, segar dan bermutu.

"Harap Kerajaan Negeri dapat anjurkan JER mega sempena Tahun Baharu Cina seperti sambutan Aidilfitri sebelum ini sebagai persediaan untuk kami membuat persiapan perayaan nanti."

"Kali ini saya belanja sekitar RM100



beli ayam, daging, telur, minyak dan beras. Harap ia dapat berterusan sehingga hari raya nanti," katanya pada 13 Januari.

Beh Choo Eng, 68, pula mengakui kebanyakan barang yang dibeli sebagai persiapan awal bagi menyambut

Tahun Baharu Cina tidak lama lagi.

"Beli awal lebih mudah, tidaklah tergesa-gesa nanti. Terima kasih juga kepada pengajur kerana beri kami beli lebih daripada satu bagi setiap barang yang dijual," katanya.

Teoh Kek Fong, 59, pula berbelanja besar bagi menyediakan masakan untuk dihidang percuma pengunjung gereja berhampiran kediamannya.

"Memang kerap buat begini, kebe-



tulan ada JER jadi saya ambil peluang untuk beli-belah di sini sebagai tambahan," katanya.

Pengunjung berpeluang membeli ayam RM12 seekor, daging pejal (RM10/pek), telur gred B (RM10 seapan), ikan kembung (RM6/pek), minyak masak dua kg (RM10) dan beras lima kg (RM13).

JER yang berakhir 1 tengah hari turut menawarkan produk baharu sardin (RM5.50), bihun (RM2.50), biskut jagung (RM3), sabun cuci baju (RM16.00) dan lampin bayi pakai buang (RM12).

Belanjawan Selangor 2025 memperuntuk RM30 juta bagi pelaksanaan JER, sekali gus membuktikan komitmen pentadbiran negeri membantu meringankan sara hidup rakyat berpendapatan rendah.

Acara pelancongan Hulu Selangor

SHAH ALAM - Program temasya jalanan Kuala Kubu Bharu yang diserikan dengan persembahan budaya antara daya tarikan pelancongan sekitar Hulu Selangor sepanjang tahun ini.

Acara melibatkan hiburan jalanan dan jualan gerai makanan tempatan itu dijadual berlangsung setiap Sabtu mulai Januari hingga Disember kecuali Ramadan antara 10 pagi hingga 10 malam.

Turut diadakan, Wings of KKB: Selangor International Birds Fair pada 26 dan 27 April dan pertandingan mengenal burung kategori sekolah, terbuka dan institusi pengajian tinggi.

Selain itu, KKB International Paragliding Accuracy Open antara 2 hingga 4 Mei menyaksikan juruterbang para-

gliding terbaik dalam dan luar negara beraksi di Kuala Kubu Bharu.

"Jangan lepaskan peluang untuk menyertainya. Pendaftaran acara pelancongan Hulu Selangor 2025 akan dibuka tidak lama lagi.

"Jom teroka keindahan Hulu Selangor tahun ini, destinasi penuh keunikan dan cabaran," menurut kalender pelancongan yang dikongsi Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) di Facebook.

Menurut MPHS, cabaran larian lasak pula menguji ketahanan fizikal dan mental merentas denai dalam Hulu Selangor Adventure Challenge & Hulu Selangor Ultra Trail pada 30 Mei hingga 1 Jun.

Selain itu, Selangor King of Mountain iaitu acara berbasikal sejauh 40 kilome-

ter dari Kuala Kubu Bharu hingga ke Bukit Fraser pada 14 September.

Pada 4 dan 5 Oktober pula berlangsung Kuala Kubu Bharu In-House Starfest dan KKB Adventure Festival dipenuhi acara menyeronokkan seperti sukan esktrem dan melihat bintang (stargazing).

Tahun Melawat Selangor 2025 dijangka menarik kehadiran lapan juta pelancong domestik dan antarabangsa dengan sasaran kutipan resit pelancongan berjumlah RM11.7 bilion.

Tourism Selangor menawarkan lebih 60 program dan acara pelancongan dengan memberi penekanan khusus kepada beberapa segmen pelancongan termasuk eko pelancongan, agro, seni dan budaya.



Oleh NADIAH ZAMLUIS

Mengapa buang telefon, komputer usang atau apa jua barang elektronik sedangkan ia boleh ditukar kepada wang?

Melalui inisiatif yang digerakkan Kerajaan Selangor sejak tahun lalu, sisa tersebut dinyahhapus dengan teratur dan mesra alam, bahkan pemilik barang diberi imbuhan.

Untuk menjayakan inisiatif Lestari Selangor itu, pejabat EXCO alam sekitar yang diketuai Jamaliah Jamaluddin bekerjasama dengan syarikat Electronic & E-Waste Recycling.

Kutipan e-sisa dijalankan melalui dua kaedah. Pertama, pungutan percuma dari rumah manakala kedua, orang ramai menghantar e-sisa menerusi Pos Malaysia.

Caranya, pemilik barang hanya perlu mengimbas kod QR atau melayari laman sesawang lestariselangor.com. Pengumpul sisa elektronik yang dilantik akan menghubungi mereka untuk proses kutipan.

Menurut Jamaliah, pengguna tersebut bakal menerima ganjaran tunai sebagai insentif untuk mengitar semula peranti lama sehingga 31 Disember 2025.

Sebenarnya, komponen sisa elektronik mengandungi logam berharga termasuk emas, perak, tembaga, platinum dan paladium memiliki nilai kitar semula yang tinggi.

Selain itu, peralatan sedemikian sebenarnya turut mengandungi bahan toksik dan berbahaya

Sisa elektronik jadi wang

antaranya merkuri, plumbum, kadmium, arsenik, bromin dan berlium. Ia meresap ke bumi seterusnya sumber air serta mengancam hidupan akuatik dan manusia jika tidak dilupus dengan betul.

Cabaran baharu

Sejak Julai 2024 sehingga kini, sebanyak 5,004 unit barang e-sisa diterima dalam program berkenaan, keseluruhannya seberat 10,904 kilogram (kg).

Bagi menjayakan matlamat kutipan, sebanyak 17 pasar raya di Selangor menyediakan kotak promosi pengumpulan sampah berkenaan bagi memudahkan masyarakat membuat e-sisa.

“Warga Selangor boleh mengatur jadual kutipan e-sisa daripada rumah dengan mengimbas kod QR yang dipamerkan pada replika (kotak promosi) yang diletakkan di lokasi-lokasi utama di 16 Pasaraya Giant dan satu Pasaraya TMC,” kata Jamaliah lagi.

Pengurusan sisa antara cabaran utama Selangor yang dihuni lebih tujuh juta penduduk. Perkembangan

teknologi menyebabkan cabaran itu tidak hanya tertumpu kepada sisa pepejal semata-mata. Cabaran terbaru adalah e-sisa.

Menurut Jabatan Alam Sekitar (JAS), Malaysia menjana sebanyak 12.344 juta unit e-sisa pada 2016. Angka tersebut meningkat 38 peratus pada 2020 iaitu 17.065 juta unit. Pada tahun ini, jumlah sisa itu dipercayai mencapai 25 juta unit. Selangor penyumbang terbesar.

Menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 2021, setiap individu secara purata menghasilkan 7.6 kg e-sisa. Mengikut Majlis Keselamatan Negara pula, penghasilan sampah itu tinggi tetapi kadar kitar semula sisa elektronik masih rendah.

Pada 2020, kadar kitar semula sebanyak 30.67 peratus, lebih rendah berbanding negara maju seperti Taiwan iaitu 60 peratus, diikuti Singapura (59 peratus) dan Korea Selatan (49 peratus).

“Kadar kutipan sisa itu (e-sisa) di negara hanya satu peratus dan Selangor menyumbang jumlah yang besar sekira 280,000 tan metrik menjelang 2025.

“Kalau ia tidak diatur sekarang

“

Kadar kutipan sisa itu (e-sisa) di negara hanya satu peratus dan Selangor menyumbang jumlah yang besar sekira 280,000 tan metrik menjelang 2025

dengan jumlah pertumbuhan penduduk yang tinggi ia akan memberi kesan yang besar,” kata Dato’ Menteri Besar Dato’ Seri Amirudin Shari.

Justeru, Kerajaan Selangor menyusun langkah dengan mewujudkan sistem pengurusan sisa bersepadu bagi mengurangkan penghantaran sampah ke tapak pelupusan.

Rancangan Selangor Pertama (RS-1) menyasarkan 15 peratus kadar kitar semula sisa sebagai penunjuk kejayaan.

“Pengurusan sisa dan kitar semula merupakan tugas yang mencabar untuk Selangor, khususnya dalam mengurangkan pembuangan sampah secara haram, meningkatkan kadar kitar semula.

Namun untuk mencapai sasaran 15 peratus memerlukan usaha bersama terutama di kalangan masyarakat,” kata Amirudin lagi.

Di Malaysia, e-sisa juga disenarai sebagai buangan terjadual mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974.

Kitar sampah teknologi

Bagi memastikan pembuangan bahan buangan elektronik melalui kaedah yang mesra alam, Kerajaan Negeri melaksanakan inisiatif Lestari Selangor.

Justeru, Selangor membangunkan portal bagi memudahkan rakyat mendapat maklumat mengenai pengumpulan e-sisa yang terhampir dengan lokasi masing-masing dan menyediakan kutipan e-sisa secara pintu ke pintu dan pengeposan.

Wartawan **NADIAH ZAMLUS** menyenaraikan barang yang boleh diberi, ganjaran dan kaedah pengumpulan. Maklumat lanjut boleh layari portal lestariselangor.com

APA ITU SISA ELEKTRONIK (E-SISA)



barang elektrik dan elektronik yang telah rosak, tidak berfungsi atau lama mahupun usang seperti telefon bimbit, komputer, televisyen, mesin basuh, peti sejuk dan pendingin hawa

BARANG DITERIMA UNTUK KITAR SEMULA



- Telefon pintar, telefon mudah alih atau telefon bimbit
- Tablet
- Komputer riba
- Komputer meja
- Monitor / televisyen skrin rata
- Papan kekunci pad permainan
- PlayStation / Xbox
- Pemproses / RAM / papan induk / bekalan kuasa
- Modem / penghala / suis
- Pencetak
- Projektor
- Kamera digital
- Kartrij dakwat
- Walkie – talkie
- Penyesuai / kabel / pengecas / wayar
- Cakera CD / DVD
- Pemain cakera / penyahkod penyiar berbayar
- Bank kuasa
- Sambungan kuasa
- Fon kepala
- Pengimbas kod bar
- Pengisar
- Pembancuh kop
- Kipas
- Pengering rambut
- Cerek
- Periuk nasi
- Pembakar roti
- Penyedut habuk

CARA MENGUMPUL



Langkah pertama: Kutipan e-sisa dari pintu ke pintu

- nikmati pengutipan percuma dengan hanya lima unit komputer terpakai atau rosak, monitor skrin rata, telefon pintar, tablet, pencetak atau projektor. Saiz seunit kurang daripada 50 sentimeter (cm) atau 25 kilogram (kg)

Langkah kedua: Penghantaran menerusi Pos Malaysia

- nikmati pos percuma dengan hanya satu unit komputer terpakai atau rosak, monitor skrin rata, telefon pintar, tablet, pencetak atau projektor
- saiz seunit kurang daripada 50cm atau 25kg
- tiada bilangan maksimum barang yang boleh anda hantar, asalkan setiap kotak tidak lebih 30kg dan dilabel dengan tanda yang disediakan oleh ERTH

HARGA BARANGAN E-SISA



- Komputer - RM10
- Komputer riba - RM10
- Projektor - RM5
- Televisyen skrin rata - RM5
- Monitor skrin rata - RM5
- Tablet - RM5
- Telefon pintar - RM5
- Telefon bimbit - RM2

*Barangan lain bergantung kepada pengutip

BARANG YANG TIDAK DITERIMA



- Barang bukan elektronik
- Pakaian
- Peti ais
- Perabot
- Sisa makanan
- Plastik
- Penapis air
- Alat muzik
- Mentol
- Lampu tiub
- Pengering baju
- Mesin basuh
- Kerusi urut



DAMAI *dihimpit* DERITA

PULUHAN ribu penduduk termasuk 17,492 kanak-kanak terkorban di Gaza sejak konflik terbaru tercetus 15 bulan lalu. Hospital dan kem pelarian menjadi sasaran bom. Wartawan dan petugas agensi bantuan menjadi korban perang.

Gencatan senjata hanya bermula 19 Januari selepas perang 7 Oktober 2023 memusnahkan segala-galanya. Serangan bertali arus rejim

Israel memusnahkan 436,000 rumah. Kira-kira 90 peratus daripada lebih 2 juta penduduk hilang tempat tinggal.

Beberapa hari sebelum gencatan berkuatkuasa, serangan Israel masih dilancarkan. Sepanjang pembantaian ke atas Palestin, tokoh-tokoh utama Harakatul Muqawamatul Islamiah (Hamas) dan Hezbollah dibunuh.

Konflik terbaru antara tragedi terburuk sejak penaklukan Israel pada 15 Mei 1948 yang mengakibatkan lebih sejuta orang terbunuh dan menjadi pelarian.

Selain proses damai, SOFIA NASIR dan HAFIZAN TAIB merakam kesengsaraan warga Gaza sejak lebih setahun lalu. Rakaman foto ihsan REUTERS muka 12 dan 13.

BUTIRAN GENCATAN

FASA 1

- Enam minggu, gencatan senjata penuh
- Hamas bebas 33 tebusan
- Israel bebas 1,000 tahanan
- tentera Israel berundur dari Gaza
- penduduk kembali ke rumah
- bantuan kemanusiaan masuk setiap hari

FASA 2

- tentera Israel berundur sepenuhnya
- baki 250 tebusan termasuk tentera dibebaskan

FASA 3

- bina semula Gaza
- pulang mayat tebusan

PENGGERAK UTAMA

- Perdana Menteri Qatar Mohammed Abdulrahman Jassim al-Thani
- Presiden Mesir Abdel Fattah al-Sisi
- Ketua Perisikan Mesir Hassan Rashad
- Penasihat Keselamatan Amerika Syarikat (AS) Jake Sullivan
- Penyelaras AS di Timur Tengah dan Afrika Utara, Brett McGurk di Kaherah



Gencatan senjata ini mesti menjadi batu loncatan ke arah matlamat yang telah lama tertangguh iaitu menuju sebuah negara Palestin yang berdaulat dan merdeka

PERDANA MENTERI
DATUK SERI ANWAR IBRAHIM

KEMUSNAHAN BESAR DI GAZA

7 OKTOBER 2023
HINGGA 11 JANUARI 2025

BANGUNAN
60%
MUSNAH


RUMAH
92%
MUSNAH

SEKOLAH
88%
MUSNAH

PETA PERTANIAN
68%
MUSNAH

JALAN RAYA
68%
MUSNAH

HOSPITAL
50%
MUSNAH



Grafik asal Al Jazeera, 16 Januari 2025


PENDERITAAN

- 46,707 orang termasuk 17,492 kanak-kanak Palestina terkorban
- bilangan penduduk cedera cecah 109,660 orang manakala 11,160 hilang
- lebih 200 wartawan Palestin terbunuh termasuk tiga dari Lubnan
- 1,139 orang Israel maut manakala kira-kira 8,730 lagi cedera

PEMBUNUHAN TOKOH



- **3 Januari 2024:** Timbalan Ketua Hamas Saleh al-Aroui meninggal dunia dalam serangan dron di Beirut



- **13 Julai 2024:** Ketua Briged al-Qassam Mohammed Deif maut dalam serangan udara di selatan Gaza



- **31 Julai 2024:** Ketua Biro Politik Hamas Ismail Haniyeh terkorban di Tehran



- **27 September 2024:** Setiausaha Agung Hezbollah Hassan Nasrallah maut dalam serangan udara di Beirut



- **16 Oktober 2024:** Ketua Biro Politik Hamas Yahya Sinwar terkorban di Tal as-Sultan, Rafah

Sumber laporan BBC dan al-Jazeera



Bas membawa tahanan Palestin yang dibebaskan dari penjara Ofer, berhampiran Ramallah di Tebing Barat yang diduduki Israel pada awal pagi 20 Januari 2025



Ketibaan tahanan yang dibebaskan dari penjara Ofer disambut oleh keluarga serta rakan di Beitunia, di luar Ramallah pada 19 Januari 2025



Rakyat Palestin melintasi sisa runtuhannya akibat serangan Israel di Khan Younis, tiga hari menjelang gencatan senjata bermula pada 19 Januari 2025



Penyokong Palestin berhimpun di London pada 18 Januari 2025 selepas Israel dan Hamas mencapai perjanjian gencatan senjata



GAMBAR DARI ATAS
Penduduk Palestin bergembira dengan berita gencatan senjata dengan Israel, di Khan Younis, dekat selatan Semenanjung Gaza pada 15 Januari 2025

Pengebumian besar-besaran di Khan Younis pada 22 November 2023 melibatkan berpuluhan rakyat Palestin yang terbunuh semasa pengeboman berterusan Israel ke atas Gaza

Warga Iran menghadiri pemakaman ketua Hamas yang terbunuh, Ismail Haniyeh di Teheran, Iran pada 1 Ogos 2024



Kesan serangan kejam Israel yang memusnahkan harta benda dan kediaman rakyat Palestin di Rafah, dekat selatan Semenanjung Gaza pada 20 Januari 2025, susulan gencatan senjata antara Israel dan Hamas



Beg tangan iras jenama terkenal

Oleh NAZLI IBRAHIM & SYAZA ATIKAH

IBRAHIM

Foto REMY ARIFIN

Konsep tempahan rekaan beg tangan mengikut cita rasa pelanggan pada harga mampu milik melonjakkan perniagaan dua usahawan wanita.

Pelanggan berpeluang memiliki aksesori yang dihasilkan Amira Fatiha Abdul Hamid, 34, dan rakan kongsi Zuraida Abdullah, 53, seakan-akan jenama terkenal seperti Hermes atau Balenciaga. Harga mampu milik tetapi bergaya dan kelihatan mewah.

Berkonsep paku, produk yang diperbuat daripada kulit, kulit sintetik dan polyvinyl chloride (pvc) mendapat sambutan ramai hingga menembusi pasaran China, London dan Vietnam.

Mereka juga banyak menerima tempahan beg tangan bersaiz kenit sebagai cenderamata acara termasuk majlis perkahwinan dan sampul duit raya.

Amira Fatiha mengusahakan perniagaan itu sejak 2013. Ilham konsep tersebut diraihnya ketika menuntut di Universiti Teknologi Mara lagi. Pemegang lulusan sarjana seni reka fesyen itu menghasilkan produk tanpa sebarang jahitan

sebaliknya menggunakan paku semat.

Sesuai dengan konsep itu, Paku bermaksud ‘Personalized Accessories (a)Ku’ (aksesori peribadiku), gambaran gaya ikut selera. Selain memilih reka bentuk, pelanggan boleh menempah ukiran nama pada beg atau menambah reben atau tali tertentu mengikut kehendak mereka.

“Sebenarnya di universiti saya belajar rekaan fesyen, buat baju tetapi saya lebih suka cuba buat beg. Pada awalnya, pelanggan terdiri kawan-kawan sekuliah tetapi semakin lama semakin berkembang,” katanya di Kota Damansara, Petaling Jaya pada 15 Disember 2024.

Mereka juga memasarkan beg tangan dalam reka bentuk tersedia. Terjual antara 100 hingga 300 utas sebulan di pasaran tempatan, harganya antara RM10 hingga RM99. Lazimnya pembuatan aksesori itu memakan masa lima hingga 15 minit. Untuk tempahan khas yang bermula pada harga RM190, ia memerlukan tempoh sehingga sebulan, bergantung jenis rekaan dan keperluan bahan.

Bimbangan PWB

Kerja menghasilkan beg tersebut dilakukan mereka berdua dengan dibantu beberapa pekerja sambilan. Jualan mula melonjak apabila beliau

masuk ke pasaran jualan dalam talian Zalora pada 2015. Produk mereka juga mendapat sambutan di FashionValet dan Robinson.

Kejayaan mereka hasil bimbingan agensi kerajaan antaranya Wanita Berdaya Selangor yang membimbing ilmu keusahawanan manakala Mara membantu promosi produk ke luar negara.

“Bukan sekadar kursus tetapi ada kelas motivasi, penampilan diri, pengucapan umum, pengurusan kewangan, membina keyakinan diri dan cara pasarkan produk. Ramai usahawan dibantu untuk kembangkan perniagaan.

“Mara pula bantu memperkenal produk kami dalam ekspo di luar negara di London, Vietnam dan China yang paling mendapat sambutan luar dugaan,” katanya.

Mereka juga merancang untuk menyertai Yayasan Hijrah Selangor bagi menambah modal mengembangkan lagi perniagaan pada tahun ini.

“Mahu buka program di luar bandar supaya mereka dapat peluang jana pendapatan dan lahirkan usahawan baharu,” kata Zuraida pula.

Mereka yang menjadikan jutawan kosmetik seperti Datuk Aliff Syukri dan Datuk Seri Vida sebagai sumber inspirasi yakin beg Paku mampu setanding jenama terkenal lain.

Jalan Tengah

Oleh ZULZAFRY ZULKIFLY
Ilustrasi FAHMI MUSTAFFA

Esak tangis Aliah melantun pada dinding kubikel bilik. Sudah hampir sejam tangis itu tidak putus dan tiada siapa melayan sedihnya. Bukan kami tidak dengar sedunya yang merayap keluar lewat ruang bawah pintu, tapi kami sendiri tidak tahu mahu diapakan. Jadi, kami hanya duduk membiarkan ribut di hatinya reda sendiri.

Dia baru pulang dari masjid tidak jauh daripada rumah kami. Tidak sampai beberapa minit dia tinggalkan rumah, wajahnya sudah kembali tercengok semula di muka pintu dengan mata yang bengkak. Pipi yang seputih kertas itu merah dengan malu dan sedih.

Sudah kami agak ini yang akan terjadi tapi siapa yang mahu menghalang Aliah? Hatinya sekeras besi waja.

Waktu awal-awal dia mahu kembali ke pangkal jalan, kami hanya berdiam diri. Tiada sesiapa yang percaya. Sangkaan buruk memenuhi hati kami, mungkin kerana duitnya yang sudah banyak buat dia malas mahu melakukan kerja terkutuk ini lagi.

Katanya, dia sudah jumpa ustaz. Dia mahu kembali menjadi lelaki. Insaf sudah mengetuk pintu hatinya dan hidayah sudah bersuluh. Kata ustaz, dia boleh kembali perlahan-lahan. Bertatih jika tidak mampu berjalan. Aliah gembira bukan kepalang. Ada juga dia ceritakan sebuah kisah daripada ustaz, tentang pelacur yang masuk syurga. Matanya bercahaya dengan sinar harapan dan suaranya bergetar teruja, memikirkan mungkin dia salah seorang yang akan diampunkan Tuhan.

Langkah pertama yang dia ambil dalam perjalanan ke pangkal jalan adalah dengan meminta kami kembali memanggilnya dengan nama aslinya, Ali.


Walau agak kekok, kami ikutkan sahaja meskipun kadang nama Aliah itu ringan sahaja meniti di lidah kami.

Aliah atau Ali, senyum sahaja. Dia pun mengerti dan tak salahkan kami. Memang sejak awal dia datang ke rumah ini pun, dia beritahu yang namanya Aliah.

Sejak itu, banyaklah perubahan yang berlaku. Pakaiannya sudah tidak mencolok mata. Tidak lagi memakai rok singkat dan baju belah dada. Baju T dan seluar jeans kembali membalut tubuh. Namun adakalanya kami akan lihat dia sarung baju keluar waktu lena. Lebih selesa katanya.

Kadang jika keluar rumah, dia akan menyarung bengkung untuk menutupi lekuk-lekuk berahi yang tidak wajar ada pada lelaki.

Rambut ikal mayang berwarna perak yang sering kami puji itu dikerat pendek persis lelaki. Malah, sejak minggu lepas, perak warnanya



sudah hilang. Kembali sehitam malam. Suara Ali juga tidak lagi terkepit di halkum. Sudah sedalam gaung layaknya jejaka. Tapi ada kalanya, terutama waktu kami bergelak ketawa, keluar juga suara kepit itu. Kami diamkan saja.

Dan sejak beberapa minggu lepas, Ali sudah mula berjinak-jinak ke surau dan masjid. Dia tahu dia bukan manusia yang diterima masyarakat. Tidak dianggap. Mahu ke saf perempuan, dia bukanlah seorang gadis. Mahu ke saf lelaki, badannya yang persis perempuan itu pasti akan jadi omongan. Bukan sekali dua dia dihalau ke saf wanita di balik tabir. Namun Ali tahu, bukan itu tempatnya.

Lagi pun, kata ustaz, dia memang tidak boleh duduk di mana-mana saf. Akan mendatangkan fitnah yang bertimbun-timbun. Maka duduklah Ali seorang di belakang saf kanak-kanak lelaki dan di hadapan saf wanita; di jalan tengah.

Dia tidak boleh lagi menjadi lelaki dengan keadaan badannya yang berlekuk dan punya timbulan persis perempuan itu. Malah, dia tidak akan boleh untuk jadi wanita walau sehebat mana dia mencuba. Tiada pilihan, jalan tengahlah yang terpaksa diambil dalam perjalanan pulang ke pangkuhan Ilahi. Sekurang-kurangnya waktu ini.

Bukan jalan benar kalau laluannya terbentang karpet baldu merah. Jalan tengah yang diambil penuh dengan onak dan lubangnya. Saban

kali seperti malam ini, Ali terhalang daripada menjelak rumah Ilahi. Manusia tidak punya imej sejati tidak layak ke kawasan suci seperti ini, tempelak Si Lebai.

Ali hanya menurut. Memang inilah natijah daripada perbuatannya. Dia sanggup. Malah demi mengembalikan badannya kembali seperti sediakala, turut dia beli pil hormon supaya mana yang sudah timbul, tenggelam seperti asalnya.

Memang renyah, namun sedikit demi sedikit Ali berubah secara fizikal dan mental.

Saban malam, akan ada tangis yang kami dengar sebaik pulang kerja lewat pagi. Kadang tangisnya di atas sejadah, kadang esaknya yang redam dalam tekupan bantal.

Ada juga dia mengajak kami ke jalan tengah sepertinya. Bukan kami tidak hendak, tapi melihatkan apa yang terjadi kepadanya, serasa tidak sanggup jiwa raga kami. Biarlah kami menipu dunia sekalipun dengan perubahan ini. Kami pernah merasai tidak diterima sekali dalam kehidupan ini kerana perbezaan naluri. Cukuplah itu. Sudah serik kami dihamun dimaki. Biarlah Ali seorang di jalan tengah.

Namun dia tetap dengan dakwahnya mengajak kami kembali berulang kali. Kadang, memang sengaja dia pasang bacaan ayat suci kuat-kuat supaya gemanya sampai ke pintu kamar kami. Belum mampu menggetar tangkai hati kami yang gelap ini.

Ali faham kami tidak makan provokasi azab. Jika diamati ayat Ilahi yang dipasang, dapatlah kami lambai-lambai gemalai supaya kami kembali. Kami dengarkan saja meski ada juga yang melawan dengan lagu-lagu dangdut dari kamar masing-masing.

Mungkin jika Ali berterusan begini, aku juga akan menurutinya bertatih. Mungkin aku juga akan menjadi pelacur yang dimasukkan ke syurga.

Sudah reda tangisnya waktu kami ingin berangkat keluar pergi kerja. Selalunya begitu, baguslah.

Beberapa hari selepas itu, Ali mengetuk perlahan daun pintu kamarku. Dia menjenguk kepala dan aku menjemputnya masuk.

Hanya selepas jeda yang agak lama baru dia ceritakan hasratnya.


"Aku nak pergi umrah."

Demi Tuhan, terkejut bukan kepalang aku mendengarnya. Dalam hati, ada gembira memutik dan ada risau berpuput. Bagaimana caranya dia mahu ke Tanah Suci? Telekungkah yang akan dipakai? Atau ihram putih? Bagaimana dengan lekuk-lekuk di badannya itu? Apa pula kata ustaz? Jalan tengah mana yang akan Ali ambil kali ini?

Semuanya bersipongang.

Cerpen, esei dan sajak boleh diikuti pada setiap minggu menerusi pautan selangorkini.my/category/renanca-bm/

Kedudukan sunnah dalam syariat



Bicara Agama

Perkataan "al-Sunnah" asal maknanya adalah cara atau perjalanan sama ada yang terpuji ataupun tercela. Dari sudut kefahaman ulama-ulama fiqh pula, sunnah salah satu daripada lima hukum taklifi: wajib, haram, sunnah, makruh dan harus.

Kadangkala, fuqaha menggunakan istilah sunnah sebagai lawan kepada bid'ah, contohnya mereka mengatakan: "Talak sunnah adalah begini, dan talak bid'ah adalah begini."

Ulama usul al-Fiqh pula menyatakan makna sunnah ialah apa sahaja yang datang daripada nabi selain al-Quran sama ada dalam bentuk ucapan, perbuatan atau pengakuan yang disandar kepada nabi. Dalam kalangan ulama hadis pula, sunnah bermaksud apa sahaja yang diriwayat daripada nabi sama ada ucapan, perbuatan, pengakuan, sifat atau perjalanan hidup baginda.

Umat Islam memberi perhatian yang sangat besar terhadap sunnah. Mereka memeliharnya, menulisnya dan meriwayatkannya satu generasi kepada generasi lain atas nama ilmu hadis. Dengan itu, tersebar kitab-kitab hadis yang diriwayat penulis kitab dengan disambungkan penceritaan yang didengar dari guru demi guru sehingga bersambung kepada kepada Rasulullah.

Ini salah satu keistimewaan umat Islam yang tidak berlaku kepada agama lain dalam tradisi penjagaan terhadap keabsahan fakta yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW.

Umat Islam sepakat bahawa apa sahaja yang berasal daripada baginda sama ada dalam bentuk ucapan, perbuatan atau pengakuan berkaitan urusan pensyariatan, kepemimpinan atau kehakiman, dan disampaikan kepada kita dengan sanad yang dipercayai keabsahannya adalah hujah ke atas umat Islam.

Ia juga menjadi sumber pensyariatan yang digunakan oleh para ulama yang sudah sampai tahap mujtahid untuk mengistinbat hukum-hukum syarak berkaitan perbuatan mukallaf.

Justeru, sunnah nabawiyah merupakan sumber kedua dalam asas syariat Islam.

Kedudukannya berada selepas al-Quran. Mengikut sunnah, adalah wajib sebagaimana wajibnya mengikuti al-Quran. Banyak dalil menunjukkan kewajipan mengikuti sunnah antaranya: Ketaatan kepada Rasul adalah ketaatan kepada Allah sebagaimana firman Allah dari ayat ke-80 surah al-Nisa' (4):

"Sesiapa yang taat kepada Rasul, maka sesungguhnya dia telah taat kepada Allah" dan ayat ke-7, Surah al-Hasyr (59): "Apa yang diberikan Rasul kepadamu maka ambillah, dan apa yang dilarangnya bagimu maka tinggalkanlah" dan ayat ke-59 surah al-Nisa' (4): "Wahai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul."

Demikian juga amaran terhadap menyalahi perintah Rasul seperti firman Allah dalam ayat ke-63 surah al-Nur (24): "Maka hendaklah orang-orang yang menyalahi perintahnya takut akan ditimpakan fitnah atau azab yang pedih."

Sumber hukum

Malah, hukum Rasul sesuatu yang wajib diterima tanpa pilihan lagi seperti dalam ayat ke-36 surah al-Ahzab (33): "Dan tidaklah patut bagi seorang mukmin lelaki dan perempuan apabila Allah dan Rasul-Nya telah menetapkan suatu ketetapan, bahawa mereka mempunyai pilihan dalam urusan mereka." serta menjadikan hukum Rasul sebagai asas iman seperti dalam ayat ke-65 surah al-Nisa' (4): "Maka demikian Tuhanmu, mereka tidak akan beriman sehingga mereka menjadikan engkau (wahai Muhammad) sebagai hakim dalam perkara yang mereka perselisihkan, kemudian mereka tidak merasa keberatan dalam hati mereka terhadap keputusannya, dan mereka menerima sepenuhnya."

Dari semua ayat al-Quran yang dikemukakan ini menunjukkan dengan jelas bahawa Allah mewajibkan kita mengikuti Rasul-Nya dalam segala yang disyariatkannya. Oleh itu, sunnah merupakan sumber hukum yang sah untuk setiap individu mukallaf.

Berkenaan sifat al-Sunnah, ia merangkumi kepada tiga perkara iaitu:

Pertama, hukum yang al-Quran sebut secara ringkas, diperjelas perincinya melalui al-Sunnah, sama ada ia melibat perkataan atau perbuatan nabi. Contohnya, perincian waktu solat, bilangan rakaatnya, cara pelaksanaannya, kadar zakat, waktu pembayarannya, harta

“

Umat Islam sepakat bahawa apa sahaja yang berasal daripada baginda sama ada dalam bentuk ucapan, perbuatan atau pengakuan berkaitan urusan pensyariatan, kepemimpinan atau kehakiman, dan disampaikan kepada kita dengan sanad yang dipercayai keabsahannya adalah hujah ke atas umat Islam

yang dikenakan zakat, hukum puasa, manasik haji, penyembelihan, perburuan, apa yang boleh dimakan dan yang tidak, serta perincian mengenai perkahwinan, jual beli, dan jenayah, yang disebut secara ringkas.

Kedua, sumber bagi syariat bagi perkara yang diperjelas dari sebarang ayat al-Quran. Asas ini disanda kepada kewajipan yang ditetapkan dalam al-Quran agar mentaati Rasul-Nya dan mengikuti keputusannya: "Taatilah Allah dan taatilah Rasul: (an-Nisa': 59). Contoh dalam hal ini seperti larangan bagi seseorang yang berpoligami bahawa dia menghimpunkan dua isterinya dengan ibu saudara sebelah bapanya atau ibunya, pengharaman semua binatang buas yang bertaring dan burung yang bercakar serta larangan bagi lelaki memakai sutera, cincin emas dan sebagainya.

Tanpa sunnah yang menjelaskan ini, pasti umat tidak mampu untuk melaksanakan perintah dan kewajipan yang ditetapkan oleh agama. Ini menunjukkan bahawa sunnah Rasulullah yang sah merupakan dalil yang wajib diikuti.

Oleh sebab kewajipan mengikuti Rasulullah berdasarkan kedudukannya sebagai utusan Allah, maka semua hukum yang sah daripada baginda sama ada menjelaskan perintah dalam al-Quran atau menetapkan hukum baru yang tidak disebut dalam al-Quran wajib diikuti.

Ketua pengarang:
Fazallah Pit
fazallah@mediaselangor.com

Pengarang berita:
Afeeqa Afeera Abdul Rasol
afeeqa@mediaselangor.com

Penolong pengarang akhbar:
Afix Redzuan
syafiq@mediaselangor.com

Ketua wartawan:
Nadiyah Zamlus
sitinadiyah@mediaselangor.com

Ketua jurufoto:
Hafiz Othman

Ketua artis grafik:
Awza Malek
Editorial: info@mediaselangor.com
Iklan: sales@mediaselangor.com
Pemasaran: marketing@mediaselangor.com

SelangorTV:
Marniza Othman
marniza@mediaselangor.com
Ameen Azizul
ameen@mediaselangor.com

Pemasaran dan Pengiklanan:
Suziana Zulkifli
suziana@mediaselangor.com

Pengedaran:
Faridzwan Abdul Ghafar
faridzwan@mediaselangor.com



Anwar menyumbang naskhah al-Quran terbitan Nasyrul Quran dengan terjemahan Bahasa Inggeris kepada wakil Masjid Timur London selepas solat Jumaat pada 17 Januari. Foto Facebook Anwar Ibrahim

Sektor tenaga boleh baharu dan ekonomi digital

Potensi pelaburan RM11 billion

SHAH ALAM - Kunjungan perdana menteri ke United Kingdom (UK) menarik potensi pelaburan bernilai RM11 bilion dalam pelbagai sektor termasuk tenaga boleh baharu dan ekonomi digital.

Menurut Datuk Seri Anwar Ibrahim, potensi eksport yang bakal dijalankan dalam lima tahun bernilai RM500 juta meliputi produk peralatan dan komponen pesawat, perabot serta makanan dan minuman.

Beliau yang juga menteri kewangan berkata perkembangan itu menunjukkan keyakinan pelabur antarabangsa terhadap ekonomi negara hasil hubungan erat dengan kerajaan UK, lapor Bernama.

Kenaikan gaji tidak bawa inflasi

SHAH ALAM - Kenaikan gaji berperingkat tidak membawa kepada tekanan inflasi berlebihan, kata Ketua Penyelidikan Pelaburan UOB Kay Hian Wealth Advisors Sdn Bhd Mohd Sedek Jantan.

Katanya, kerajaan boleh mengelak kejutan mendadak terhadap belanjawan sambil menyokong disiplin fiskal dan mengekal keseimbangan antara meningkatkan gaji sektor awam dan mengawal inflasi.

"Impak daripada langkah menaikkan

"Nampaknya ada peningkatan mendadak dari segi kesediaan (untuk melabur)," kata beliau pada sidang media bersama media Malaysia yang membuat liputan di sana pada 18 Januari.

Dalam lawatan lima hari termasuk bertemu Perdana Menteri UK Sir Keir Starmer, Anwar mengadakan perbincangan dengan beberapa syarikat termasuk Standard Chartered dan Jaguar Land Rover.

Pertemuan tersebut diselaraskan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia dan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri.

Menurut Anwar, perdagangan

antara kedua-dua negara dijangka meningkat berikutan penyertaan dalam Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP).

"Melalui CPTPP, penyertaan dalam kontrak, profesional dan barang lebih mudah dibawa dari Malaysia."

"Syarikat-syarikat besar Malaysia seperti YTL, Tenaga Nasional Bhd, Gamuda, EcoWorld yang melabur dan mempunyai projek besar di sini, akan mendapat faedah," katanya.

Bawah CPTPP, barangan seperti minyak kelapa sawit dan getah Malaysia yang sebelum ini dikenakan tarif 12 peratus dan 6.5 peratus mendapat akses sifar tarif ke pasaran UK.

gaji penjawat awam yang sering dipandang enteng adalah potensi kesan positifnya terhadap penarafan kredit negara.

"Selagi kenaikan itu diuruskan secara mampan dan dalam konteks dasar fiskal yang lebih meluas," katanya lagi kepada Bernama.

Mohd Sedek menjelaskan kenaikan gaji yang dirancang teliti dan berhemat tidak membawa kepada defisit belanjawan atau tekanan inflasi berlebihan

sebaliknya memberi isyarat positif.

"Penarafan kredit yang lebih tinggi secara amnya menarik lebih banyak pelaburan asing kerana pelabur lebih cenderung untuk melabur di negara yang mempunyai penarafan kredit tinggi."

"(Mereka) menganggapnya berisiko rendah dengan potensi besar untuk pulangan yang stabil," katanya dan menambah penarafan itu menunjukkan negara peminjam yang boleh dipercayai.

PM temu pemimpin Islam London

SHAH ALAM - Datuk Seri Anwar Ibrahim menyampaikan naskhah al-Quran terjemahan terbitan Nasyrul Quran kepada Pengerusi Masjid London Timur Dr Abdul-Hayee Murshad dan Imam Utama Sheikh Abdul Qayum.

Selepas solat Jumaat pada 17 Januari, perdana menteri turut mengadakan pertemuan dengan pengurusan masjid berkenaan dan beberapa pemimpin dari Majlis Islam British.

Mereka berbincang antaranya soal nilai keimanan, perkhidmatan kepada masyarakat dan kepentingan memperkuuh ummah dalam isu keadilan pada peringkat antarabangsa.

Anwar juga menekankan kepentingan bidang pendidikan, persefahaman dan keamanan umat Islam di United Kingdom di samping menggalakkan mereka untuk mengekal identiti muslim mereka.

Pelaburan jangka panjang Abu Dhabi

SHAH ALAM - Pelaburan jangka panjang dijangka disuntik dalam sektor penjagaan kesihatan, pengendali lapangan terbang dan tenaga hasil lawatan tiga hari ke Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yakin kerjasama Malaysia dan Pihak Berkuasa Pelaburan Abu Dhabi (ADIA) menjelmakan keyakinan terhadap potensi pertumbuhan ekonomi negara.

"ADIA hadir membawa bersama-sama suara rakan syarikat pelaburan global lain dalam meneroka pelbagai peluang pelaburan yang terhidang di Malaysia," kata menteri kewangan itu seperti dilapor Bernama.

Pada 13 Januari, Anwar bertemu Pengarah Urusan ADIA Sheikh Hamed Zayed Al Nahyan, Ketua Pegawai Eksekutif Mubadala Khaldoon Khalifa Al Mubarak dan CEO Masdar Mohamed Jameel Al Ramahi.

Kadar STR, SARA naik 25 peratus

SHAH ALAM - Pembayaran Sumbangan Tunai Rahmah (STR) fasa satu disalur mulai 22 Januari hasil peruntukan RM2.3 bilion, naik berbanding RM2.1 bilion tahun lalu.

Bayaran dibuat melalui pengkreditan ke akaun bank penerima berdaftar atau tunai melalui Bank Simpanan Nasional (BSN) secara berperingkat mengikut kategori kelayakan, lapor Bernama.

"Program STR dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) 2025 akan memanfaatkan hampir sembilan juta penerima atau 60 peratus daripada penduduk dewasa."

"Bagi STR dan SARA 2025, kerajaan melonjakkan kadar maksimum isi rumah kepada RM4,600 iaitu kenaikan hampir 25 peratus berbanding RM3,700 tahun lepas," kata Kementerian Kewangan.

Baucar Buku Madani untuk guru

SHAH ALAM - Inisiatif Baucar Buku Madani yang menyediakan kemudahan untuk murid hingga mahasiswa akan diperluas kepada guru pada masa depan, kata Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek.

Menyifatkan program itu mendapat sambutan baik termasuk penebusan 100 peratus, beliau berkata nilai baucar untuk pendidik akan dibincang bersama Kementerian Kewangan, lapor Bernama.

Pada masa ini, baucar RM50 diberi kepada murid tahun empat ke atas manakala RM100 kepada pelajar menengah, kolej vokasional, tingkatan enam, matrikulasi dan institut pendidikan guru.

"Ini kejayaan cukup besar dan kita berjaya laksanakan dengan hasil komitmen semua pihak terutama guru," katanya di Sekolah Kebangsaan Seri Tasek di Nibong Tebal pada 17 Januari.

Kos baiki jalan RM101 juta

SHAH ALAM - Kos pembaikan jalan akibat banjir ekoran Monsun Timur Laut mencecah RM101.57 juta, kata Menteri Kerja Raya Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

Katanya, ia melibatkan kos pembaikan di Semenanjung berjumlah RM45.37 juta meliputi pembaikan berkala jalan berturap, berkala bukan berturap, jambatan dan lampu isyarat serta lampu jalan.

Merujuk Sabah, Sarawak dan Labuan pula, beliau berkata pembaikan akibat bencana itu sekitar RM56.2 juta meliputi pembaikan berkala berturap dan berkala bukan berturap, lapor Bernama.

Beliau memberitahu kos pembaikan cerun runtuh meliputi sembilan lokasi iaitu dua di Kelantan, Terengganu (dua) dan Perak (lima) menelan belanja kira-kira RM41 juta.

Tukar lokasi tugas suka sama suka

SHAH ALAM - Pelaksanaan pelantar digital "Pertukaran Suka Sama Suka" yang dibuat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dijangka dijayakan pada suku ketiga atau keempat tahun ini.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata ia bertujuan memudahkan petugas dalam skim sama bertukar tempat tugas tanpa campur tangan Bahagian Sumber Manusia, lapor Bernama.

Katanya, perbincangan untuk mewujudkan pelantar tersebut dimulakan sejak tahun lalu bagi memperkenal sistem yang berfungsi dengan berkesan tanpa campur tangan pentadbiran.

Beliau yakin wadah itu berupaya membela kebijakan pekerja dan menangani isu lesu upaya dalam kalangan petugasnya.

"Ini untuk kebijakan petugas atau penjagaan kesihatan pekerja," katanya pada 14 Januari.

Tiada kenderaan berat di jalan raya

SHAH ALAM - Semua kenderaan berat dilarang berada di jalan raya selama empat hari sempena sambutan Tahun Baharu Cina, menurut Kementerian Pengangkutan.

Larangan tersebut berkuat kuasa pada 27 dan 28 Januari serta 1 dan 2 Februari, mengambil kira kemungkinan kesesakan ketara ekoran banyak pergerakan kenderaan persendirian, lapor Bernama.

Dalam kenyataan pada 18 Januari, sekatan itu bertujuan mengelak kesesakan lalu lintas dan mengurangkan risiko nahas akibat percampuran trafik kenderaan barang dan persendirian.

"Perintah Penurunan Had Laju Kebangsaan juga dikuat kuasa bersama larangan pemanduan antara 28 Januari hingga 2 Februari sepanjang pelaksanaan Op Selamat," kata kenyataan lagi.

Jabatan Pengangkutan Jalan pula mempertingkat penguatkuasaan di seluruh negara termasuk mengadakan operasi bersepadu bagi memastikan pematuhan terhadap perintah larangan itu.

Kementerian tersebut juga menasihati semua pemandu supaya sentiasa mematuhi peraturan jalan raya dan memastikan aspek keselamatan menjadi keutamaan semasa memandu.

Kerjasama persekutuan, negeri

Pekerja ladang dapat kediaman

SHAH ALAM - Penantian 404 pekerja empat ladang selama hampir 10 tahun berakhir ekoran mereka bakal menerima kunci kediaman Projek Perumahan Rakyat (PPR) Ampar Tenang tidak lama lagi.

Menurut timbalan menteri perumahan dan kerajaan tempatan, mereka dari Ladang Perang Besar, Medingly, Gallo-way dan Sedgely yang tinggal di perumahan sementara di Taman Permata, Dengkil.

"Penyerahan kunci akan berjalan terus selepas Jabatan Perumahan Negara ambil alih, nanti kita akan maklumkan.

Kalau boleh selesai dalam tahun ini juga.

"Atas kerjasama dan kesungguhan Kerajaan Madani, maka penantian 10 tahun ini akan berakhir di sini," kata Datuk Aiman Athirah Sabu selepas melawat unit contoh di PPR berkenaan pada 13 Januari.

Projek tersebut hasil kerjasama kerajaan persekutuan dan Selangor melalui pengambilan tanah estet milik Sime Darby Berhad seluas 12.14 hektar bernilai RM15 juta.

Aiman Athirah berkata unit kediaman teres satu tingkat berkeluasan 750 kaki per segi itu mula dibina pada

1 Ogos 2017 dan menerima Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) pada 31 Disember.

Beliau yang juga ahli parlimen Se-pang memberitahu empat unit turut disediakan kepada orang kurang upaya (OKU) menggunakan peruntukan Tabung Kumpulan Amanah PPR sebanyak RM88 juta.

"Setiap perumahan mesti ada satu peratus (kuota) OKU. Pembeli perlu bayar RM20,000 sahaja sebab subsidi RM50,000," katanya merujuk PPR yang dilengkapi dewan dan taman permainan.

Risiko wanita hidap barah serviks

SHAH ALAM - Sebanyak 60 peratus wanita tidak pernah menjalani pemeriksaan pap smear bagi saringan barah serviks berdasarkan Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2019.

Ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Abdul Shukur Abdullah memberitahu statistik itu mencerminkan tahap kesedaran yang rendah dalam

kalangan wanita.

Katanya, tahap kesedaran yang rendah didorong faktor takut dan malu untuk menjalani ujian meskipun barah sedemikian lebih kerap berlaku dalam kalangan wanita berumur sekitar 40-an.

Beliau juga mengingatkan barah berkenaan ancaman nyata kepada kesihatan wanita, bahkan ketiga paling kerap dihidapi pada peringkat global dan keenam di Malaysia, lapor Bernama.

Justeru, Abdul Shukur memberitahu Kempen Kesedaran Kanser Reproduktif Wanita (WCaRe) dipergiat sejak tahun 2022 termasuk membuat ujian Human Papillomavirus (HPV) DNA percuma.

Menurut beliau, seramai 162,581 wanita di seluruh negara menjalani ujian HPV DNA dan sebanyak 10,582 kes positif dikesan dari pemeriksaan itu berbanding 3,038 kes sedemikian tahun lalu.

Pulih 475 projek terbengkalai

SHAH ALAM - Pasukan khas Projek Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai (TFST) menyelamatkan 475 projek meliputi 59,050 unit bernilai pembangunan kasar (GDV) RM52.67 bilion sepanjang tahun lepas.

Menurut Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Aiman Athirah Sabu, angka itu merangkumi 441 projek yang memperoleh Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC), lapor Bernama.

Beliau memberitahu 25 projek berstatus lewat dan sembilan projek ter-

bengkalai pula dipulih melalui kaedah penyiapan projek hingga memperoleh CCC atau Sijil Layak Menduduki (CFO).

"Keseluruhanya GDV projek yang berjaya dipulihkan pada tahun lepas menunjukkan peningkatan 30.62 peratus berbanding GDV pada 2023 sebanyak RM39.81 bilion," katanya pada 14 Januari.

Dalam kenyataan, Aiman Athirah menjelaskan pasukan khas itu mengejar dan memantau 249 projek perumahan swasta lewat, 392 sakit serta 113 terbengkalai setakat 31 Disember.

"Semua projek perumahan swasta lewat, sakit dan terbengkalai yang terkini membawa GDV RM130.83 bilion melibatkan 139,969 unit rumah," katanya.

Beliau menegaskan Kerajaan Madani mempergiat usaha pemulihan projek perumahan swasta sakit serta terbengkalai melalui langkah strategik dengan kerjasama pelbagai pihak.

Menjelaskan kementerian menyasar tiada lagi projek terbengkalai menjelang 2030, Aiman Athirah berkata langkah itu antaranya lawatan tapak berkala bagi menilai situasi sebenar di lapangan.



TEROKA... Datuk Bandar Klang Dato' Abd Hamid Hussain (tengah) bersama peserta Discover Royal Klang Heritage Walk di pekarangan padang Laman Seni Safari, Klang pada 18 Januari. Foto REMY ARIFIN

MBSA bantu 50 warga Tionghua

Ringan beban sambut perayaan

Oleh SHEEDA FATHIL

SHAH ALAM - Seramai 50 penerima berbangsa Cina sekitar Kampung Baru Sungai Buloh, di sini menerima bantuan perayaan dari Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Pemangku Timbalan Setiausaha Pengurusannya Norhisham Mohammad berkata bantuan berupa hamper barang keperluan raya bernilai RM170 dan wang tunai RM100 itu diberi kepada kalangan keluarga berpendapatan rendah (B40), warga emas, ibu tunggal dan orang kurang upaya.

"Sumbangan ini juga bertujuan meringankan beban penerima sekali gus memberi keceriaan kepada mereka dalam membuat persiapan sambutan Tahun Baharu Cina tidak lama lagi," katanya pada 21 Januari.

Sementara itu, ibu tunggal Liew Kuan Sin, 55, yang tidak pernah mendapat sebarang bantuan sebelum ini bersyukur apabila terpilih sebagai salah seorang penerima.

"Setidak-tidaknya bantuan ini dapat meringankan beban saya sebagai ibu tunggal untuk membuat persiapan sambutan Tahun Baharu Cina yang bakal tiba tidak lama lagi.

"Terima kasih kepada MBSA, ahli majlis dan ketua kampung kerana memberi peluang kepada saya untuk menerima bantuan ini," kata ibu dua anak itu.

Warga emas Wong Ah Kiu, 80, berharap inisiatif itu diteruskan lagi pada masa akan datang dengan lebih ramai dibantu.

"Persiapan Tahun Baharu Cina sederhana sahaja, cukup sekadar anak-anak, saudara-mara datang rumah makan sambil bertanya khabar mengeratkan lagi hubungan.

"Bantuan ini juga boleh beli tambahan barang keperluan raya lain untuk tetamu," katanya.

Naik taraf saliran atasi banjir

HULU LANGAT - Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) memberi tumpuan kepada projek menaik taraf kemudahan awam dan sistem saliran bagi mengurangkan risiko banjir kilat pada tahun ini.

Yang Dipertua Nazli Md Taib memberitahu perancangan tersebut merangkumi pembaikan pasar Sungai Long dan Kajang sekali gus bagi membiarkan keselesaan kepada orang ramai.

"Kompleks sukan Seksyen 15, Bandar Baru Bangi akan dilengkapi padang

bola sintetik yang beri peluang kepada masyarakat menikmati kemudahan lebih moden dan selesa," katanya pada 13 Januari.

Katanya, MPKj juga akan membentang syor tambah baik sistem saliran bagi mengurangkan risiko banjir kilat di beberapa kawasan antaranya bandar Kajang dan Taman Sri Nanding, Hulu Langat.

Nazli juga menjelaskan semua cadangan tersebut dalam tindakan Jabatan Kejuruteraan MPKj yang akan di-

panjangkan kepada pentadbiran negeri pada awal Februari.

Pada 9 Disember, EXCO Kerajaan Tempatan Dato' Ng Suee Lim mengumumkan pemilik harta di Selangor menerima potongan sehingga 75 peratus daripada nilai kadar baharu cukai taksiran.

Mereka hanya perlu membayar 25 peratus daripada keseluruhan kadar itu mulai 1 Januari. Pengecualian bagi rumah kos rendah di Selangor pula diteruskan bagi tahun kesepuluh.

Bantuan raya warga emas, ibu tunggal

PETALING JAYA - Riak kegembiraan terpancar pada wajah warga emas dan ibu tunggal keturunan Tionghua yang menerima sumbangan RM300 setiap seorang sempena sambutan Tahun Baharu Cina.

Menurut Datuk Bandar Petaling Jaya Mohamad Zahri Samigon, sumbangan kepada 100 orang itu bagi meringankan beban golongan berpendapatan rendah di kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan itu.

"Perayaan Tahun Baharu Cina bukan sekadar tradisi dan sambutan tetapi juga peluang untuk kita berbakti serta membantu mereka yang memerlukan.

"Ia mencerminkan semangat keprihatinan dan kebersamaan Majlis Bandaraya Petaling Jaya bagi memastikan tiada golongan dipinggirkan," kata beliau pada 18 Januari.

Rebat buat 15,000 pembayar awal

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) menawarkan rebat bagi 15,000 akaun terawal membayar cukai taksiran 2025 setahun tanpa tunggakan secara dalam talian mulai 1 Januari.

Rebat RM15 ditawarkan kepada 5,000 akaun terawal yang melunaskan cukai tersebut melalui aplikasi MyMPKj4u sehingga 28 Februari.

Rebat RM10 pula diberi kepada 10,000 akaun terawal melalui platform eBAYAR, PBTPay, JomPAY, Kawanku Phone Banking dan perbankan dalam talian Maybank, AmBank, HSBC, RHB dan Bank Rakyat.

"Semua pemilik pegangan bertaraf individu berstatus aktif di kawasan MPKj layak menerima rebat kecuali bagi akaun dan pegangan yang dikecualikan atau tidak dikenakan cukai bagi 2025."

Susun gerak kerja pembersihan

KLANG - Pelantikan beberapa kontraktor baharu antara langkah Majlis Bandaraya Diraja Klang bagi memastikan kawasan pentadbirannya kekal bersih dan indah.

Datuk Bandar Dato' Abd Hamid Hussain berkata penyusunan gerak kerja yang turut melibatkan KDEB Waste Management itu bagi mengurangkan risiko bencana selain memastikan semua kemudahan dalam keadaan baik.

"Gerak kerja pembersihan seluruh Klang telah bermula dan kita minta kontraktor sedia ada laksanakannya. Pada masa sama, kita juga melantik kontraktor baharu awal bulan ini.

"Kita juga menekankan kepentingan memastikan sistem perparitan akan diselenggara dengan lebih baik bagi mengurangkan risiko banjir," katanya pada 18 Januari.

RM50,000 bantu projek kelas Kafa

SHAH ALAM - Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) menyerahkan sumbangan RM50,000 bagi membina bangunan kelas di Kafa Integrasi Al-Falah Kota Puteri, Rawang.

Bantuan yang diserah dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan Murid dijangka berupaya meningkatkan lagi tahap keserasian pelajar dan guru di sekolah berkenaan.

"Semoga sumbangan ini memberi manfaat kepada guru dan pelajar dan menjadikan jariah yang mengalir kepada pewakaf yang menyumbang sehingga yaumulakhirah," kata kenyataan.

Wakaf tunai boleh dibuat dalam talian menerusi fpw.wakafselangor.gov.my/ewo_login.asp atau potongan bulanan melalui bo.wakafselangor.gov.my bermula 1 Januari tahun ini.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif PWS Anuar Hamzah Tohar, wakaf fisabilillah RM2.4 juta dijangka tahun lalu meliputi 69 institusi termasuk tujuh masjid, 12 surau dan 45 pusat pendidikan.

Pelihara aib jenazah, keselamatan

KLANG - Proses pemindahan 90 plot kubur di Tanah Perkuburan Islam Selat Klang di sini yang selesai pada 9 Januari berjalan lancar tanpa isu berbangkit daripada waris.

EXCO Agama Islam Dr Mohammad Fahmi Ngah mengakui wujud dakwaan waris tidak dibenarkan menyaksikan proses pemindahan jenazah tetapi ia dilakukan atas beberapa sebab penting.

"Proses alih memang kita tidak benarkan kerana isu keselamatan ter-



utama tanah yang lembut dan ada banyak jentera. Selain itu juga ada mangsa Covid-19 yang menjadi isu kesihatan.

"Ketiga, soal aib kepada jenazah dan saya tidak mahu didedah pada awam. Saya sendiri lihat video proses pemindahan dan ia dibuat dengan cermat dan teliti," katanya pada 17 Januari.

Beliau menghadiri majlis bacaan tahlil yang dipimpin Timbalan Mufti negeri Dato' Prof Madya Dr Miszairi Sitiris untuk jenazah dalam pengalihan kubur di Masjid Jamek

Ar-Rahimiah di sini.

Hampir 100 waris turut sama menyertai majlis berkenaan yang turut dihadiri Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor Dato' Mohd Shahzihan Ahmad.

Dr Mohammad Fahmi memberitahu pemaju Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) juga bersetuju untuk menaja set ke pok dan batu nisan baharu yang dijangka siap menjelang bulan Ramadan.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga berhasrat menyediakan wang sagu hati kepada kira-kira 100 sukarelawan terlibat dalam menjayakan proses pemindahan kubur dengan sempurna.

Atasi buku riwayat Muhammad

Novel sengsara Palestin laris

SHAH ALAM - Novel kisah sengsara wanita Palestin dizalimi tentera Israel terbitan Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE) karya terjemahan paling laris agensi itu pada 13 hingga 19 Januari.

Memaparkan peristiwa kisah benar yang berlaku di padang pasir Negev pada 1949, naskhah itu mengatasi buku Muhammad: Riwayat Hidup Berdasarkan Sumber Terawal dua minggu berturut-turut.

"Novel ini terkenal dengan terjemahan bahasa Inggerisnya Minor Detail (2020) dan sering mendapat pujian ramai pengkritik sastera. Adania Shibli, pengarang berasal dari Palestin.

"Novel ini wajib dibaca bagi yang

peka dengan keadaan di Palestin kerana ia bukan sekadar novel tetapi pengalaman dan trauma perang moden," menurut syarikat itu di Facebook.

Sebelum ini, Eksekutif Jualan dan Pemasaran IBDE Mohammad Hakim Mohammad Hood memberitahu naskhah riwayat Rasulullah itu mengungguli senarai buku terlaris sepanjang tahun lalu.

Karya yang diterbitkan dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) pada 2021 terjual sebanyak 100,000 setakat ini.

IBDE yang menerima geran Kerajaan Negeri giat menerbitkan buku terjemahan pelbagai genre meliputi sejarah, falsafah dan agama, sesetengah naskhah asal berusia ribuan tahun.

Bina maahad baru

SHAH ALAM - Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) bakal membangunkan maahad tafhib bertaraf antarabangsa atas tanah yang diwakafkan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

Menurut ketua pegawai eksekutifnya, pembangunan Maahad Integrasi Tafhib Sains Selangor tersebut dijangka bermula tahun hadapan di tanah seluas 9.9 ekar (4.00 hektar) di Seksyen 7 di sini.

Anuar Hamzah Tohar memberitahu projek tersebut yang dijadual bermula tahun hadapan menzahirkan hasrat Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj sebelum ini.

"Tuanku berhasrat maahad tafhib tersebut menekankan terhadap

keperluan pelbagai bahasa seperti Inggeris, Arab dan satu lagi bahasa lain yang boleh diutamakan termasuk pengajian al-Quran.

"Pelajar cemerlang dihantar ke peringkat universiti utama di Eropah seperti Cambridge dan Oxford yang kita mahu mereka ada asas al-Quran dan mampu menjadi pemimpin sekembali ke Malaysia," katanya pada 17 Januari.

Jelas Anuar Hamzah lagi, PWS masih mencari pengendali untuk membangunkan maahad tafhib tersebut yang dijangka menelan kos kira-kira RM45 juta.

"Sudah ada perbincangan awal mengenai pembinaan maahad tafhib ini dengan beberapa pihak dan kami masih mencari operator untuk membangunkan bangunan ini," katanya.

MENTERI BESAR SELANGOR (PEMBERADAN)	
KENYATAAN PRA-KELAYAKAN (PRE-Q)	
1. Menteri Besar Selangor (Pemberadan) ("MBI") ingin mempelawa syarikat-syarikat yang mempunyai pengalaman dan kemahiran yang bersesuaian untuk menyertai Pre-Q bagi perkara berikut:	
SUBJEK	Pra-Kelayakan untuk Pembangunan Loji Air Pulih Guna (WRP)
NOMBOR PRE-Q & TAJUK PRE-Q	MBI-WE-WRP-PREQ-0001A Pembangunan Reka dan Bina (D&B) Loji Air Pulih Guna MBI-WE-WRP-PREQ-0001B Pembangunan Operasi dan Selenggara (O&M) Loji Air Pulih Guna
SYARAT-SYARAT KELAYAKAN	<p>1. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Syarikat 100% milik tempatan atau syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia, dengan modal berbayar minimum sebanyak RM 5,000,000.00. DAN</p> <p>2. Construction Industry Development Board Malaysia (CIDB) Perakuan Pendafataran Kontraktor (PPK) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) Gred : G7 (Aktif) Kategori : B, CE dan M Pengkhushusan : B04 (Kerja-Kerja Pembinaan Bangunan); CE19 (Pembentangan); CE20 (Bekalan Air); DAN</p> <p>3. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) Kategori Industri Perkhidmatan Air (IPA) Permit : C1 (Bekalan Air) dan C1 (Pembentangan)</p> <p>DAN</p> <p>4. Perjanjian Usahasama/ Konsortium/ Kolaborasi/ Perjanjian Kerjasama mesti melantik Rakan Kongsi Utama (Lead Partner) ("LP") dan LP mesti diberi kuasa oleh semua rakan kongsi untuk menguruskan perniagaan semasa Pre-Q dan pelaksanaan kontrak. Surat pengesahan kuasa mesti disediakan. DAN</p> <p>5. Pengalaman Projek WRP Mempunyai pengalaman yang terbukti dalam reka bentuk dan pembinaan WRP dengan kapasiti minimum 2 Juta Liter Sehari (kumulatif), yang berjaya dihasilkan dalam tempoh sepuluh (10) tahun. Projek tersebut mesti melibatkan penggunaan pelepasan akhir Loji Rawatan Air Sisa (WWTP) atau Loji Rawatan Kumbahan (STP) yang mengendalikan effluent industri dan kumbahan diikiraf oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Malaysia. Pengalaman daripada Usahasama/ Konsortium/ Kolaborasi/ Perjanjian Kerjasama akan dipertimbangkan.</p>
TAKLIMAT PRE-Q	Tarikh : 11 Februari 2025 (Selasa): 3:00 PM Lokasi : Tingkat 23, Bangunan Darul Ehsan, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor.
HARGA DOKUMEN PRE-Q	RM 1,500.00 Cek Jurubank
TEMPOH PEMBELIAN DOKUMEN PRE-Q	11 Februari 2025 (Selasa) to 3 Mac 2025 (Isrin): 10:00 AM to 4:00 PM
TARIKH TUTUP PRE-Q	12 Mac 2025 (Rabu): 12:00 PM
<p>2. Syarikat 100% milik tempatan atau syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia, atau Usahasama/ Konsortium/ Kolaborasi/ Perjanjian Kerjasama yang diperbadankan di Malaysia dengan syarat 100% pegangan ekuiti dimiliki oleh syarikat tempatan dan 50% daripada bilangan pekerja adalah warganegara tempatan termasuk Lembaga Pengaruh dan pihak pengurusan.</p> <p>3. Borang Pendaftaran Pre-Q (Form A) boleh diperoleh melalui permintaan emel ke pre-q@mbiselangor.com.my. Form A mesti dihantar melalui emel ke pre-q@mbiselangor.com.my selewat-lewatnya pada 5 Februari 2025 (Rabu) 12:00 PM. Tertakluk kepada pengesahan kelayakan, MBI akan menghantar jemputan untuk Taklimat Pre-Q kepada syarikat yang terpilih melalui alamat emel berdaftar yang dinyatakan dalam Form A.</p> <p>4. Taklimat Pre-Q adalah diwajibkan. Hanya pegawai yang ditauliahkan, dengan maksimum dua (2) individu, yang tercatat di dalam SPKK, dibenarkan untuk menghadiri Taklimat Pre-Q. Bagi syarikat yang bercadang untuk mengadakan Usahasama/ Konsortium/ Kolaborasi/ Perjanjian Kerjasama, LP adalah diwajibkan menghadiri Taklimat Pre-Q dengan maksimum dua (2) individu (satu dari LP dan satu dari Pakar Dalam Bidang). Maklumat terperinci Pre-Q akan diberikan pada sesi Taklimat Pre-Q seperti yang dinyatakan di atas.</p> <p>5. Dokumen Pre-Q hanya boleh dibeli oleh pemohon yang hadir ke Taklimat Pre-Q. Bayaran Dokumen Pre-Q boleh dibuat secara Cek Jurubank. Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai tidak akan diterima.</p> <p>6. Dokumen Pre-Q boleh didapat bermula pada tarikh yang dinyatakan di atas pada waktu pejabat di alamat berikut:</p> <p>MENTERI BESAR SELANGOR (PEMBERADAN) Tingkat 23, Bangunan Darul Ehsan, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor. Tel: 03-5513 8898 Faks: 03-5510 0759 Pegawai: Sekretariat Pre-Q</p> <p>7. Penyerahan Pre-Q mesti dihantar mengikut senarai semak yang disediakan dan dihantar dalam sampul surat berlakri yang bertanda dengan jelas di penjuru atas sebelah kiri "Nomor Pre-Q" dan "Tajuk Pre-Q" tanpa apa-apa pengenal diluarnya.</p> <p>8. MBI tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran atau mengumumkan sebab-sebab tawaran tersebut ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubungan dengan Pre-Q ini.</p> <p>9. Sebarang pertanyaan boleh dihantar melalui emel ke pre-q@mbiselangor.com.my.</p>	



SEMANGAT... Aksi pemain kriket negara ketika bertemu Sri Lanka dalam perlawanan pertama Piala Dunia Kriket T20 Bawah 19 Wanita (B-19) di Bayuemas Oval, Klang pada 19 Januari. Foto BERNAMA

28 acara dipertandingkan

Cadang SUKMA 2026 dianjur Ogos

SHAH ALAM - Selangor memutuskan penganjuran Sukan Malaysia (SUKMA) edisi ke-22 dan Para Sukma pada Ogos tahun hadapan, kata EXCO Sukan Najwan Halimi.

Beliau berkata Jawatankuasa Pengelola (Induk) turut menimbaangkan Litar Antarabangsa Sepang dan Stadium MBPJ, Petaling Jaya sebagai arena majlis pembukaan dan penutup temasya berkenaan.

"Jawatankuasa turut memutuskan

pihak sekretariat akan memulakan pemeriksaan semua kemudahan dan infrastruktur sukan seluruh negeri bagi menilai tahap boleh guna serta menganal pasti masalah yang perlu ditangani.

"Seterusnya menaik taraf kemudahan tersebut pada kadar segera," katanya dalam kenyataan selepas mesyuarat yang dipengerusikan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari pada 20 Januari.

Najwan yang juga Pengurus Jawatankuasa Pelaksana menjelaskan SUKMA 2026 bakal mempertandingkan 28 acara dengan lima acara tambahan akan diumumkan kemudian sementara 10 acara Para SUKMA.

Untuk merancakkan lagi kehangatan temasya dwitahunan itu, jawatankuasa turut membuka penyertaan kepada perekra grafik mencipta logo rasmi kejohanan dan syarat-syarat pertandingan akan diumum dalam masa terdekat.

Tumpu cari bakat baharu e-sukan

SHAH ALAM - Kementerian Belia dan Sukan (KBS) tidak akan membina stadium baharu sebaliknya menggunakan kemudahan di KL Sports City, Bukit Jalil untuk dijadikan pusat e-sukan.

Menterinya Hannah Yeoh berkata tumpuan kini adalah membangunkan bakat baharu terutama di peringkat sekolah dan butiran lanjut arena baharu untuk program e-sukan akan diumum kemudian, lapor Bernama.

"Satu stadium di Bukit Jalil akan kita tukar bina baharu dan bagi

e-sukan, memang hasrat kita untuk membantu membina pasukan wanita. Ada juga pasukan warga emas telah ditubuhkan.

"...bukan dekat Axiata Arena...di KL Sports City dan Perbadanan Stadium Malaysia sedang mengusahakannya. Bagi kita masa, saya tidak mahu umumkan dulu," katanya dalam sidang media Dana Sukan KBS 2025 pada 19 Januari.

Sementara itu, Hannah berkata permohonan Geran Padanan Sukan (GPS) dihadkan kepada persatuan sukan saha-

ja berbanding terbuka kepada syarikat seperti sebelum ini bagi memberi peluang kepada persatuan memohon lebih daripada sekali.

Beliau menjelaskan persatuan sukan boleh mengemukakan beberapa permohonan dengan syarat hanya satu kelulusan akan dipertimbang.

Janji kerja keras untuk menang

SHAH ALAM - Ketua jurulatih Selangor FC tidak gusar dengan ketumpulan jentera serangan Red Giants yang menang tipis 1-0 ke atas Penang FC dalam aksi separuh akhir pertama Piala Cabaran.

Katsuhito Kinoshi mengakui jentera serangan pasukannya belum cukup tajam untuk membawa bekalan selesa pada aksi timbal balik di Stadium Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) bulan depan.

"Kami mempunyai sasaran minimum, maksudnya, kami harus memberi penyokong kami kemenangan, jadi saya berpuas hati dan pada masa sama kami harus terus meningkatkan prestasi untuk mencipta gaya sebenar Selangor."

"Jadi fokus kami adalah perlawanan liga terdekat, selepas itu Piala Cabaran, kami perlu bekerja lebih keras, bukan sahaja daripada segi fizikal tetapi juga mental dan taktikal," katanya seperti dilapor Berita Harian.

Kinoshi turut berpuas hati dengan kekebalan benteng pertahan yang memastikan gawang mereka tidak dibolosi selepas meraih satu gol menerusi jaringan sendiri ketua pasukan Penang FC Rafael Vitor pada minit ke-35.

Sertai kejohanan tertinggi sahaja

SHAH ALAM - Beregu profesional negara Goh Sze Fei-Nur Izzuddin Rumsani disaran mengambil bahagian dalam kejohanan peringkat tertinggi yang berstatus sekurang-kurangnya Super 750.

Legenda badminton negara Datuk Razif Sidek berkata gandingan utama negara itu mencapai tahap terbaik hingga muncul wakil pertama negara meraih gelaran musim ini menerusi kejayaan Terbuka India 2025 (Super 750) di New Delhi, pada 19 Januari.

"Sze Fei-Nur Izzuddin punya tahap sepertunya beraksi pada Super 750 dan lebih tinggi sahaja. Saya lihat semakin tinggi tahap kejohanan, prestasi mereka semakin baik."

"Mereka mesti memilih kejohanan untuk disertai secara teliti bagi mengelakkan prestasi dan kita harap gandingan itu akan berjaya," katanya seperti dilapor Bernama.

Kejayaan menumpaskan pasangan Korea Selatan, Kim Won Ho-Seo Seung Jae, menamatkan kemarau 15 tahun negara tanpa sebarang kejuaraan beregu di Terbuka India.

Air Selangor®

PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
(201401006213)

KENYATAAN PRA-KELAYAKAN

Bil.	NO. PRA KELAYAKAN	KETERANGAN
1.	PN0000020901	PRE-QUALIFICATION PANEL CONTRACTOR FOR BULK METER (MECHANICAL METER AND ELECTROMAGNETIC METER)

Untuk butiran lanjut dan penyertaan tender/prakelayakan di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists> atau <https://tender.airselangor.com>.

**DATUK BORHAN AMAN SHAH**
Tanjong Sepat

sumbang peralatan sambutan Ponggal kepada penduduk di DUN beliau

ABBAS AZMI
Serdang

menemani peserta Jom Shopping Tahun Baharu Cina di DUN beliau

**MICHELLE NG MEI SZE**
Subang Jaya

mengagih sampul duit dan limau buat penduduk sekitar DUN beliau

DATUK JOHAN ABD AZIZ
Dusun Tua

menyertai gotong-royong di Sekolah Kebangsaan Bukit Raya, Hulu Langat

**AZMIZAM ZAMAN HURI**
Pelabuhan Klang

meraikan majlis Anugerah Cemerlang Sekolah Rendah Agama Pulau Indah, Klang

**CHEONG KIAN YOUNG**
Kajang

meninjau kemudahan Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Reko, Hulu Langat

**PUA PEI LING**
Bukit Lanjan

merasmikan Bengkel Keseniaan Kebudayaan Cina di pusat beli-belah Selayang, Gombak

**RAJIV RISHYAKARAN**
Bukit Gasing

mengedara kalender kepada peniaga pasar besar Jalan Othman, Petaling Jaya

Bina Rumah Selangorku di Petaling Jaya

SHAH ALAM - Ahli Dewan Negeri Bukit Gasing mencadangkan lebih banyak Rumah Selangorku didirikan di sekitar Petaling Jaya Selatan (PJS) dan dilengkapi jaringan pengangkutan awam.

R Rajiv menumpukan rancangan pembangunan semula kawasan PJS termasuk merangka pelan kemudahan Transit Aliran Massa 3 (MRT3) di kawasan tersebut bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas.



"Ia menggalakkan anak muda di Bukit Gasing tidak berhijrah ke luar kawasan. Untuk kesesaan mereka, saya akan usahakan semua kemudahan ini," katanya pada 19 Januari.

Sebanyak 254,606 unit Rumah Selangorku diluluskan pembinaan sejak sedekad lalu menerusi 448 projek bagi membantu segenap lapisan rakyat di negeri ini untuk memiliki kediaman sendiri.

Sebanyak 41,196 unit meliputi 128

projek diserahkan kunci kepada pemilik, 63 projek membabitkan 26,667 unit dalam proses pembinaan manakala 186,743 unit menerusi 257 projek dalam perancangan.

Rajiv turut berharap semua dasar termasuk Belanjawan 2025 yang dirangka Kerajaan Negeri dapat meningkatkan tahap kehidupan dan kesejahteraan rakyat.

"Harapan saya juga negeri yang berlatar masyarakat majmuk ini terus hidup dalam keadaan harmoni," kata beliau lagi.

Tingkat capaian pengangkutan awam

Tumpu surai trafik, kemudahan sukan

Oleh SUHAILA SHAHRUL ANNUR

SHAH ALAM - Beberapa kemudahan sukan sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Rawang akan dinaik taraf pada tahun ini demi manfaat masyarakat se-tempat beriadah dan mengamal gaya hidup sihat.

Wakil rakyatnya Chua Wei Kiat memberitahu rancangan tersebut yang melibatkan gelanggang bola keranjang dan futsal itu antara kesinambungan program pada tahun lalu.

"Pada tahun lepas, saya menggunakan kira-kira RM300,000 termasuk peruntukan dari Projek Selangor Penyayang untuk menaik taraf kemudahan sukan.

"Selain itu, (saya) difahamkan Majlis Perbandaran Selayang akan membina padang sintetik yang pertama bawah pihak berkuasa tempatan itu," kata beliau lagi pada 14 Januari.

Katanya, kesesakan lalu lintas di beberapa kawasan turut diberi perhatian meski isu berkenaan sedang diatasi melalui projek pembangunan jalan yang

giat dibuat dan sebahagiannya selesai.

Usaha itu menurut Wei Kiat, membabitkan penyelesaian masalah banjir kilat di jalan utama terutama sekitar tol Rawang akibat siapnya kolam takungan di Taman Industri Bersepadu Rawang.

Beliau juga berharap capaian pengangkutan awam sekitar DUN berkenaan dapat dipertingkat dan ditambah baik demi memastikan keselesaan penduduk setempat.

Lukisan mural hiasi tiang LRT

SUBANG JAYA - Pelbagai lukisan mural menarik menghiasi 12 tiang di Stesen Transit Aliran Ringan (LRT) Seksyen 15 (SS15) di sini menerusi Projek Sang Seni 15.

Wakil rakyat Subang Jaya Michelle Ng Mei Sze berkata inisiatif tersebut ilham pejabatnya bersama Prasarana Malaysia Berhad, Fitline dan Quest Studio membabitkan kos RM62,400.

"Projek ini untuk menyokong artis tempatan selain membanteras isu laku musnah (vandalisme). Kita harap mural terbabit juga dapat menceriakan peng-

guna jalan raya dan pejalan kaki.

"SS15 dipilih untuk projek pertama bersama Prasarana kerana SS15 sering menjadi hos trend semasa. Kita harap dapat memulakan seni mural ini dan seterusnya ke tempat lain," katanya.

Beliau meninjau lukisan di sekitar Stesen LRT SS15 diiringi Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Prasarana Integrated Development Sdn Bhd (Pride) Ashok Panchalingam pada 15 Januari.

Menurut Kurator M Firdaus Omar, enam pelukis tempatan terlibat dalam menjayakan projek berkenaan yang

bertema mobiliti, komuniti, komersial dan gaya hidup.

Beliau bersama rakan-rakannya berdepan pelbagai cabaran termasuk keadaan trafik dan cuaca untuk menyempurnakan mural berkenaan yang mengambil masa dua minggu untuk disiapkan.

"Setiap hari kami peruntuk 12 jam untuk siapkan lukisan. Memang antara cabaran yang terpaksa kami tempuh adalah keadaan trafik yang agak berbahaya dan cuaca tidak menentu," katanya.

RM101,000 baiki laluan pejalan kaki

HULU LANGAT - Sebanyak RM101,512 diperuntuk Parlimen Bangi bagi membina tangga dan laluan pejalan kaki di Klinik Kesihatan Sungai Chua dekat sini.

Menurut Ahli Parlimen Bangi Syahredzan Johan, kemudahan yang memanfaat kira-kira 700 pelawat setiap hari itu siap akhir pada Disember menggunakan dana Projek Mesra Rakyat.



jalan kaki, jadi mereka perlu naik bukit yang agak jauh," kata beliau ketika ditemui selepas meninjau projek berkenaan.

Katanya, sebanyak RM200,000 digunakan bagi menambah baik kemudahan di premis perubatan sepanjang tahun lalu termasuk Klinik Kesihatan Bangi dan Klinik Kesihatan Sungai Sikamat.

"Di Klinik Kesihatan Bangi, kira-kira RM50,000 diperuntuk untuk tempat

letak kereta manakala Klinik Sungai Sikamat juga sekitar RM50,000 untuk membeli keperluan peralatan," katanya.

Syahredzan juga memberitahu bidang pendidikan menjadi tumpuan yang termasuk memastikan kemudahan dan persekitaran institusi pembelajaran sentiasa dalam keadaan baik.

"Banyak sekolah di Parlimen Bangi sudah lebih 20 tahun, ada lebih 50 tahun dan hampir 100 tahun jadi kemudahan asas seperti pintu, rumah pam, sumbangan komputer kita bantu," katanya.

Tambah laluan basikal, elak sesak

SUBANG JAYA - Dana Projek Selangor Penyayang (PSP) akan digunakan bagi menambah laluan basikal di sekitar Stesen Transit Aliran Ringan (LRT) Subang Jaya dan LRT SS15 di sini.

Menurut Ahli Dewan Negeri Subang Jaya Michelle Ng Mei Sze, kemudahan tersebut bertujuan menggalakkan penggunaan kemudahan awam sekali gus mengatasi masalah trafik pada waktu puncak.

"Kita akan memanjangkan laluan basikal ini setiap tahun dengan peruntukan PSP, yang juga merupakan dana tahunan Kerajaan Negeri kepada pejabat Ahli Dewan Negeri.

"Tambahan Majlis Bandaraya Subang Jaya memperoleh kelulusan kotak percu-baan (sandbox) mikromobiliti daripada Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia pada Disember," katanya pada 15 Disember.

Kunjungi rumah, sebar inisiatif negeri

HULU LANGAT - Ahli Parlimen Bangi memanfaatkan kunjungan rumah ke rumah sempena sambutan Tahun Baharu Cina dengan berkongsi pelbagai inisiatif yang ditawarkan Kerajaan Negeri kepada rakyat.

Syahredzan Johan memberitahu peluang tersebut digunakan bagi menguar-uarkan pelbagai bentuk bantuan kebajikan yang disediakan khususnya baucar Jom Shopping Perayaan.

"Di Parlimen Bangi, seramai 38 peratus berketurunan Cina, sudah pasti kita menyantuni semua penduduk dengan menyeraikan sampul angpau dan limau.

"Ketika kunjungan jika penduduk memerlukan bantuan kita akan membantu dengan merujuknya ke pejabat ahli dewan negeri berkaitan," katanya pada 16 Januari.

200 penduduk terima baucar belanja

SUBANG JAYA - Seramai 200 penduduk sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Taman Medan menerima baucar RM200 sempena perayaan Tahun Baharu Cina hujung bulan ini.

Penyelaras DUN Halimey Abu Bakar berkata sumbangan kepada golongan berpendapatan rendah bagi meringankan perbelanjaan mereka dalam menyediakan keperluan raya.

"Kita serahkan bantuan ini supaya mereka dapat membeli segala keperluan lebih awal. Semoga bantuan ini dapat memeriahkan sambutan raya mereka.

"Penerima ini merupakan pengundi Taman Medan yang berpendapatan rendah. Kita pastikan mereka tidak menerima bantuan lain supaya bantuan adil kepada semua," katanya selepas menyampaikan baucar belanja pada 19 Januari.

Abg Yahya raih emas boling para dunia

SHAH ALAM - Atlet boling para negara Abg Yahya Abg Azhar meraih emas perseorangan lelaki TPB4 (kecacatan intelektual) dalam Kejohanan Dunia Boling Para Persekutuan Boling Antarabangsa di Hong Kong pada 21 Januari.

Beliau mengumpul 1,435 jatuhan pin dalam lima permainan, mengatasi Yun Seung Sang dari Korea Selatan yang merangkul perak (1,380 jatuhan pin) dan gangsa milik Kallan Strong dari Australia.

Tiga lagi atlet negara Mahamad Rizuan Madzhi ketujuh dengan 1,235 jatuhan pin manakala Muhd Zul Adly Majeni dan Mohd Hazim Sazali menamatkan saingan di tempat ke-11 dan ke-16.

Pada 20 Januari, atlet berusia 26 tahun dari Sarawak bersama Mahamad Rizuan, Muhd Zul Adly dan Mohd Hazim meraih perak dalam acara berpasukan lelaki TPB4, lapor Bernama.

Tingkat kesedaran integriti, rasuah

SHAH ALAM - Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) tidak berkompromi dengan sebarang salah laku atau pelanggaran integriti melibatkan warga kerja jabatan itu.

Pengaruhnya Dato' Dr Yusri Zakariah berkata PTGS komited meningkatkan kesedaran anggota pentadbiran tanah seluruh negeri, khususnya berkaitan integriti dan rasuah.

"Kalau ada kes (salah laku) kita akan tarik keluar mana-mana anggota atau pegawai daripada urusan pentadbiran tanah. Kita akan keluarkan dulu dan dalam masa sama buat siasatan. Sekiranya betul ada salah laku kita akan kenakan tindakan."

"Kemudian kita akan buat pembetulan kalau ada berlaku perubahan kepada data (pemilik tanah dan sebagainya) kita akan betulkan semula," katanya pada 21 Januari.

Fiesta Joran tawar hadiah RM22,000

SHAH ALAM - Hadiah wang tunai keseluruhan bernilai RM22,400 menanti peserta Fiesta Joran Selangor 2025 yang dijadual berlangsung pada 9 Februari.

Menurut Tourism Selangor, program di Fraser Valley, Tasik Utamasari, Hulu Selangor itu bermula antara jam 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari.

"Yuran pendaftaran RM50 (satu joran, dua mata kail) selain pemberian baju-T eksklusif untuk 500 pendaftaran terawal. Juara akan membawa pulang wang tunai RM8,000, naib juara (RM2,000) dan ketiga RM1,000," kata kenyataan.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi talian 013-266 7011, 012-284 6811 atau 012-355 4946.



Cerpen, puisi & esei

HADIAH SASTERA SELANGOR 2025

terbit setiap Sabtu dan Ahad di portal selangorkini.my

PRIHATIN...

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari bertemu keluarga pesakit lumpuh otak Nur Wadihan dalam acara kayuhan IJN Ride 4 Your Heart di Semenyih, Hulu Langat pada 19 Januari. Beliau menyeru masyarakat untuk bersikap ihsan terhadap golongan istimewa.

Foto RADIN WAZIR

Ringan beban keluarga kurang mampu

RM36.4 juta untuk pelajar asnaf

Oleh SOFIA NASIR

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyalur zakat RM36.4 juta bagi membiayai persiapan persekolahan 70,588 anak asnaf fakir, miskin dan mualaf pada tahun ini.

Agihan tersebut membabitkan 1,119 murid prasekolah, sekolah rendah (33,117 murid) serta menengah kebangsaan dan agama (36,292 pelajar).

"Pemberian bantuan persekolahan ini inisiatif tahunan yang dilaksanakan bagi meringankan beban ketua keluarga asnaf yang berdaftar dengan LZS.

"Ia bagi membantu menyediakan kelengkapan persekolahan serta menampung kos yuran sekali gus memastikan kebajikan pendidikan golongan asnaf di Selangor terus terbelia," kata kenyataan.

Simbolik penyerahan disempurnakan Ahli Lembaga Pemegang Amanah LZS Dato' Paduka Emeritus Prof Dr Muhamad Awang di Institut Perakaunan Negara, Sabak Bernam pada 16 Januari.

LZS juga menjelaskan setiap pelajar sekolah kebangsaan menerima bantuan kelengkapan bernilai RM170 manakala murid sekolah rendah agama RM150 seorang.

Menurut agensi negeri itu lagi, sumbangan RM200 pula diberi kepada setiap pelajar sekolah menengah kebangsaan dan sekolah menengah agama yang meliputi seragam, beg dan alat tulis.

"Setiap pelajar diwajibkan membeli sepasang pakaian seragam sekolah dan selebihnya untuk membeli keperluan yang lain berdasarkan syarat dan panduan ditetapkan," kata kenyataan.

Secara purata, setiap keluarga menerima bantuan sehingga RM2,000 melalui kredit ke akaun bank ketua keluarga, baucar tunai (V-Cash) atau tunai, bergantung bilangan tanggungan.

Setengah juta kunjungi Klang

KLANG - Lebih setengah juta pelancong tempatan dan antarabangsa dijangka mengunjungi Klang sempena Tahun Melawat Selangor 2025 (TMS2025) hasil promosi yang giat dijalankan.

Datuk Bandar Klang Dato' Abd Hamid Hussain berkata sasaran tersebut berdasarkan peningkatan bilangan pengunjung sebelum ini dengan 400,000 pelancong dicatat pada tahun 2023.

"Antara inisiatif termasuk anjur

program lawatan ke tempat warisan, hebahan di sosial media. Pada masa sama, kita berharap agensi pelancongan dapat tawar pakej menarik untuk pelancong.

"Ini meningkatkan pelancong ke Klang sekali gus meningkatkan ekonomi peniaga," katanya selepas merasmikan Discover Royal Klang Town Heritage Klang di Laman Seni Safari di sini pada 18 Januari.

Dalam program itu, peserta dibawa meneroka beberapa lokasi warisan antaranya Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz, Istana Alam Shah, Masjid India Tengku Kelana dan Balai Bomba Kota Raja.

Abd Hamid turut mengingatkan pemilik premis supaya meningkatkan mutu kebersihan khususnya pengusaha industri makanan dan minuman bagi memperkemas usaha menggamit pelancong.